

BAB 6

GAYA HIDUP DAN TANGGAPAN ORANG RAMAI TERHADAP BERBAGAI ISU SOSIAL

Bab ini membincangkan hasil tinjauan ke atas pandangan responden adap beberapa perkara berkaitan gaya hidup, perasaan mereka dan isu-isu kaitan dengan masalah sosial. Antara perkara yang dibincangkan dalam gaya hidup adalah tabiat menonton TV, pelakuan seks (homoseksual dan seks bebas) perasaan mereka secara umum (kegembiraan dan kebahagian). Manakala Isu al yang dianalisis adalah isu perkauman, isu keganasan dan isu alam sekitar.

Gaya Hidup

Seksyen ini menggambarkan sedikit sebanyak tentang gaya hidup responden dari tabiat menonton TV, pandangan terhadap hubungan homoseksual, persepsi terhadap pelakuan seks dan perasaan mereka secara umum (bahagia/tidak dan bahagia/tidak). Bahagian 6.1.1 merupakan kajian ke atas perapan responden menonton TV dalam sehari. Bahagian 6.1.2 pula membincangkan tentang pandang responden terhadap hubungan homoseksual. Manakala Bahagian 6.1.3 pula menyentuh tentang persepsi responden terhadap hubungan seks dan akhirnya kajian dilakukan ke atas perasaan responden secara umum dari segi kegembiraan, dan kebahagian dalam perkahwinan.

6.1 Tabiat Menonton TV

Telah dinyatakan pada bab yang terdahulu bahawa media massa mainkan peranan yang penting dalam menghasilkan masyarakat yang bersifat

m dan ganas. Ini adalah kerana aksi keganasan dalam televisyen secara tidak sung mempengaruhi perangai seseorang. Maka kajian ini adalah penting ik melihat masa yang diluangkan untuk menonton TV oleh masyarakat erika Syarikat, khususnya responden dalam kajian.

ial 6.1: Peratus Responden Masa Menonton TV Dalam Sehari Mengikut egori Tahun Pendidikan, Umur, Jawatan, Tingkat Pendapatan, Kumpulan k dan Jantina

SA MENONTON TV DALAM SEHARI									
JAM	0 - 1 (%)	2 (%)	3 (%)	≥4 (%)	BIL. KES KAJIAN	JUMLAH PERATUS (%)	KES SAMPEL *	NILAI MIN	
AHUN PENDIDIKAN	25.4	27.2	19.2	28.2	1965	100	2992	2.50	
<=11	13.9	24.1	20.2	41.8	352	100	553	3.70	
12	20.5	21.6	22.1	35.8	625	100	929	3.14	
13-15	24.5	32.0	17.6	25.9	482	100	744	2.63	
16-20	40.0	31.7	16.7	11.6	502	100	759	2.00	
UMUR	25.3	27.1	19.3	28.3	1960	100	2986	2.50	
≤ 29	23.9	25.4	20.1	30.6	343	100	521	2.95	
30 - 39	31.5	30.2	18.1	20.2	480	100	753	2.47	
40 - 49	32.3	29.1	19.4	19.2	402	100	623	2.39	
50 - 59	26.1	29.2	17.6	27.1	284	100	416	2.80	
≥ 60	13.1	22.2	20.8	43.9	451	100	673	3.51	
TINGKAT PENDAPATAN	29.7	29.5	19.2	21.5	1399	100	2127	2.33	
<\$10,000	20.4	27.1	19.3	33.2	280	100	432	2.96	
\$10,000 - 19,999	24.6	28.0	20.7	26.7	329	100	468	2.76	
20,000 - 29,999	29.4	30.1	19.4	21.1	289	100	442	2.46	
30,000 - 39,999	37.2	29.3	21.3	12.2	164	100	265	2.05	
≥40,000	43.4	33.5	14.9	8.1	221	100	353	1.87	
KUMPULAN ETNIK	25.4	27.2	19.2	28.2	1965	100	2992	2.50	
KULIT PUTIH	26.3	27.8	19.1	26.7	1632	100	2483	2.72	
KULIT HITAM	17.4	20.9	20.9	40.7	258	100	388	3.59	
LAIN-LAIN	32.0	34.7	16.0	17.3	75	100	121	2.37	
JANTINA	25.4	27.2	19.2	28.2	1965	100	2992	2.50	
LELAKI	24.7	28.9	21.9	24.6	810	100	1290	2.71	
WANITA	25.9	26.0	17.4	30.7	1155	100	1702	2.90	

barang perbezaan kes yang didapati antara kes sampel dan bilangan kes di dalam jadual adalah sebabkan oleh maklumat hilang/kes yang tidak berkenaan (missing value).

al 6.2: Ujian Statistik Chi-square Antara Masa Menonton TV Dalam Sehari Faktor Tahun Pendidikan, Umur, Tingkat Pendapatan, Kumpulan Etnik dan na.

EMBOLEHUBAH	CHI-SQUARE	D.K	SIGNIFIKAN
JN PENDIDIKAN	179.83	12	0.000
R	113.27	12	0.000
TIKAT PENDAPATAN	85.69	18	0.000
PULAN ETNIK	33.31	6	0.000
TINA	13.08	3	0.004


Ditinjau dari faktor pendidikan secara keseluruhan, didapati responden ; kurang berpendidikan menghabiskan masa yang banyak untuk menonton TV ; n sehari berbanding responden yang berpendidikan lebih tinggi. Misalnya, responden yang berpendidikan 12 tahun atau kurang, kebanyakannya ghabiskan 4 jam atau lebih dalam sehari menonton TV Manakala bagi onden yang berpendidikan 13 hingga 15 tahun, hanya menonton TV selama jam dalam sehari. Begitu juga bagi responden yang berpendidikan lebih dari ahun (Diploma atau Ijazah), waktu menonton TV kurang dari dua jam dalam ri.

Kajian menunjukkan terdapat hubungan antara waktu menonton TV dan n pendidikan. Nilai min menunjukkan semakin kurang tahun pendidikan akan banyak masa dihabiskan untuk menonton TV dalam sehari. Min masa onton TV bagi responden adalah tinggi bagi responden yang berpendidikan ng dari 12 tahun barbanding dengan responden yang berpendidikan 12 tahun diikuti oleh responden yang berpendidikan 13 hingga 15 tahun dan 16 hingga tahun masing-masing dengan nilai min 3.70, 3.14, 2.63, dan 2.00 jam. abahan lagi, hasil ujian Pearson korelasi di Lampiran 2 telah menunjukkan apat hubungan yang signifikan negatif (-0.283) antara faktor tahun pendidikan masa menonton TV dalam sehari.

Kemungkinan besar keadaan ini disebabkan oleh responden yang pendidikan tinggi selalunya juga berjawatan tinggi, jadi sering terlalu sibuk kerja dan tiada masa untuk menonton TV, sebaliknya bagi responden yang pendidikan lebih rendah, mereka mungkin dalam kategori perkerjaan yang sek begitu sibuk. Oleh itu, mereka mempunyai masa terluang untuk menonton

Bagi faktor umur responden pula, didapati ia menunjukkan satu corak yang menarik (bentuk "U"). Nilai min masa menonton TV dalam sehari mengambarkan melalui Rajah 6.1.

Rajah 6.1: Min Masa Menonton TV Dalam Sehari Mengikut Umur Responden



Rajah 6.1 menunjukkan min masa menonton TV dalam sehari paling minimum adalah di kalangan responden dalam lingkungan umur antara 40 hingga tahun iaitu dalam kategori di mana seseorang itu pada tahap mencabar dalam kerjanya mereka. Rajah menggambarkan semakin tua seseorang responden atau lebih tua seseorang responden (di sini, ≤ 29 tahun), semakin tinggi min masa yang dibutuhkan menonton TV dalam sehari. Dalam lain perkataan, golongan muda dan

igan tua lebih banyak menghabiskan masa untuk menonton TV berbanding dengan dewasa yang dalam lingkungan pertengahan umur. Ini kemungkinan akan oleh golongan muda terdiri daripada para remaja kebanyakannya pakan para pelajar dan mereka biasanya mempunyai masa yang lebih selain ada waktu sekolah dan masa berlajar maka tidak hairan jika mereka gunakan masa yang selebih itu untuk menonton TV. Manakala bagi igan tua pula, kebanyakan daripada mereka sudah bersara, oleh itu, mereka mempunyai masa yang terluang untuk menonton TV berbanding yang lain.

Dengan menganggarkan min umur bagi setiap kategori umur di atas (h 6.1), satu model regresi dapat dibentukkan (rujuk Lampiran 2.1). R^2 di piran 2.1 menunjukkan umur dapat menerangkan 86.8% daripada variasi n masa menonton TV. Namun, nilai $F = 14.189$ yang mempunyai nilai 05 menunjukkan model adalah tidak signifikan. Ini mungkin disebabkan oleh yang tidak mencukupi dan kemungkinan terdapat faktor-faktor lain yang ipengaruhinya.

Model Regresi diperolehi dari Lampiran 2.1:

$$a = 4.478615 - 0.091862(\text{Umur}) + 0.00106(\text{Umur})^2$$

onton

Walau bagaimanpun, model regresi ini dapat juga digunakan untuk ganggar masa responden menonton TV sehari dalam kajian. Misalnya, bagi orang yang berumur 40.

GIRAAN:

$$a = 4.478615 - 0.091862(40) + 0.00106(40)^2$$

onton

$$= 2.500135$$

Ini bermakna beliau menonton lebih kurang 2.5 jam TV dalam sehari ra purata.

Bagi tingkat pendapatan pula, ia menunjukkan suatu hubungan yang positif berhubung dengan masa menonton TV dalam sehari. Responden yang mendapatan kurang dari \$10,000 setahun banyak menghabiskan masa untuk menonton TV berbanding responden yang berpendapatan antara \$10,000 hingga \$19,999 dan \$30,000 atau ke atas (Jadual 6.1). Ini jelas menunjukkan wujudnya sebuah hubungan pengantaraan seperti faktor jawatan dan status perkerjaan. Bagi kategori pendapatan yang tinggi biasanya adalah di kalangan mereka yang mempunyai jawatan tinggi atau juga mereka yang berkerja lebih masa (overtime). Oleh itu, masa untuk responden yang berada di kategori jawatan dan status perkerjaan ini sering tidak mempunyai masa terluang untuk menonton TV.

Bagi perbandingan faktor kumpulan etnik pula (Jadual 6.1), majoriti kaum kulit hitam menonton TV 4 jam atau lebih dalam sehari. Manakala kaum putih dan lain-lain kumpulan etnik pula, kebanyakannya hanya menonton TV 2 jam dalam sehari. Keadaan ini mempunyai hubungan kait dengan pekerjaan mereka seperti yang dilihat dalam bab latar belakang responden.

Manakala dari segi perbandingan antara jantina pula (Jadual 6.1), lihatannya kaum wanita lebih menonton TV berbanding kaum lelaki. Ini adalah salah satu kemungkinan kebanyakannya daripada para wanita merupakan suri nahtangga maka mereka mempunyai masa yang lebih untuk menonton TV berbanding kaum lelaki. Kemungkinan juga wujudnya program yang menarik perhatian kaum wanita seperti rancangan drama, masakan dan fesyen yang mempengaruhi mereka untuk menonton TV. Hasil ujian "t" di Lampiran 3 jelas menggambarkan keadaan ini. Didapati terdapat perbezaan yang signifikan di

a min masa menonton TV dalam sehari bagi kaum lelaki (2.71) dan wanita (2.68) pada aras keertian 5%.

Dari Jadual 6.2 di atas, tahun pendidikan menunjukkan nilai Chi-square tertinggi sekali dengan nilai 179.83 dan diikuti dengan faktor umur, tingkat apatan, kumpulan etnik dan jantina masing-masing dengan nilai 113.27, 91.85, 85.69, 33.31 dan 13.08. Kesemua faktor-faktor ini telah menunjukkan yang signifikan pada aras keertian 0.1% kecuali faktor jantina menunjukkan yang signifikan pada aras keertian 0.5%. Ini telah menunjukkan kesemua faktor mungkin merupakan faktor yang penting dalam menetangkan variasi dalam perubahan masa menonton TV dalam sehari.

Jadual 6.3: Analisis Varians (ANOVA) Mengenai Masa Menonton TV Mengikut
Pendidikan, Umur, Tingkat Pendapatan, Kumpulan Etnik dan Jantina

		Jumlah Kuasa dua	dk	Min Kuasa dua	F	Sig.
Bentuk Utama (Gabungan)	Tahap Pendidikan	474.928	14	33.923	13.585	0.000
	Umur	282.93	3	94.310	37.766	0.000
	Tingkat Pendapatan	30.261	4	7.565	3.030	0.017
	Kumpulan Etnik	59.751	4	14.938	5.982	0.000
	Jantina	98.598	2	49.299	19.742	0.000
		3.388	1	3.388	1.357	0.244
Hubungan Antara Hala (Gabungan)	Tahap Pendidikan * Umur	199.612	75	2.661	1.066	0.333
	Tahap Pendidikan * Tingkat Pendapatan	17.474	12	1.456	0.583	0.857
	Tahap Pendidikan * Kumpulan Etnik	27.217	12	2.268	0.908	0.538
	Tahap Pendidikan * Jantina	7.791	6	1.298	0.520	0.794
	Umur * Tingkat Pendapatan	4.369	3	1.456	0.583	0.626
	Umur * Kumpulan Etnik	39.266	16	2.454	0.983	0.473
	Umur * Jantina	31.665	8	3.958	1.585	0.125
	Tingkat Pendapatan * Kumpulan Etnik	7.969	4	1.992	0.798	0.527
	Tingkat Pendapatan * Jantina	30.071	8	3.759	1.505	0.151
	Kumpulan Etnik * Jantina	12.667	4	3.167	1.268	0.281
		15.253	2	7.626	3.054	0.058
Model		674.54	89	7.579	3.035	0.000
Residual		2969.166	1189	2.497		
Jumlah		3643.706	1278	2.851		

Jadual 6.3 menunjukkan hasil dari Analisis Varians (ANOVA) ke atas
empat faktor (iaitu tahun pendidikan, umur, tingkat pendapatan, kumpulan etnik,
jantina) menunjukkan kesan yang signifikan pada aras keertian 1% berhubung

menonton TV sehari kecuali faktor jantina. Perhubungan dua hala yang signifikan bagi semua interaksi dua hala menunjukkan model ini adalah aditif (berdaya tambah).

Jadual 6.4: Analisis Kelasifikasi Berganda (MCA) Mengenai Masa Menonton TV mengikut Tahap Pendidikan, Umur, Tingkat Pendapatan, Kumpulan Etnik dan jantina

	N	SISIHAN SEBELUM DISESUAIKAN	ETA	SISIHAN SELEPAS DISESUAIKAN	BETA
TAHAP PENDIDIKAN					
<= 11	146	0.770		0.550	
12	401	0.340		0.260	
13 - 15	357	-0.032		-0.040	
16 - 20	375	-0.630	0.279	-0.460	0.203
UMUR					
≤ 29	269	0.250		0.093	
30 - 39	384	-0.120		-0.080	
40 - 49	316	-0.200		-0.061	
50 - 59	206	0.040		0.005	
≥ 60	104	0.330	0.113	0.230	0.056
TINGKAT PENDAPATAN					
<10,000	279	0.470		0.310	
10,000 - 19,999	326	0.280		0.150	
20,000 - 29,999	289	-0.037		0.008	
30,000 - 39,999	164	-0.450		-0.370	
>=40,000	221	-0.630	0.238	-0.360	0.153
KUMPULAN ETNIK					
KULIT PUTIH	1065	-0.110		-0.095	
KULIT HITAM	159	0.850		0.740	
LAIN-LAIN	55	-0.370	0.193	-0.300	0.168
JANTINA					
LELAKI	588	-0.026		0.059	
WANITA	691	0.023	0.014	-0.050	0.032
R² Kuasadua berganda					0.130
R² berganda					0.361

Jadual 6.4 MCA menunjukkan model aditif (Berdaya tambah) yang mempunyai lima pembolehubah tak bersandar (tahap pendidikan, umur, tingkat

patan, kumpulan etnik dan jantina) hanya menerangkan 13.0% varians masa menonton TV bagi responden. Pada keseluruhan, min besar masa menonton TV ialah 2.82 jam. Ini menunjukkan secara puratanya, responden menghabiskan masa sebanyak 2.82 jam sehari untuk menonton TV.

Dari analisis ini (Jadual 6.4), dapat dilihat bahawa masa menonton TV adalah paling tinggi bagi responden yang berpendidikan kurang dari 12 dan paling rendah ialah bagi responden yang berpendidikan 16 hingga 20 ($2.82 + 0.77$ jam (sisihan sebelum disesuaikan) berbanding $2.82 - 0.63$ jam (sebelum disesuaikan)).

Hasil analisis ini sekali lagi menunjukkan bahawa masa menonton TV ini lebih tinggi di kalangan mereka yang lebih tua dan yang lebih muda dibanding mereka yang berada pada peringkat pertengahan umur. Responden mempunyai tingkat pendapatan rendah kelihatannya lebih cenderung untuk menonton TV berbanding mereka yang berpendapatan tinggi. Ini dapat dilihat di dalam masa menonton TV telah berkurangan apabila tingkat pendapatan responden meningkat (Jadual 6.4).

Analisis ini juga menunjukkan kaum kulit hitam merupakan kumpulan yang mempunyai min masa menonton TV yang lebih tinggi berbanding kumpulan etnik yang lain. Didapati faktor kumpulan etnik dapat menerangkan 6% (0.193^2 (ETA^2)) daripada varians dalam masa menonton TV sehari. Wanita didapati adalah melebihi golongan lelaki dalam min masa menonton TV. Namun, menurut nilai beta, faktor jantina (0.032) merupakan bolehubah yang jauh kurang penting dari pembolehubah-pembolehubah yang dalam menerangkan perbezaan dalam masa menonton TV sehari.

Hubungan Homoseksual (Homosexuality)

Kajian ini akan dilakukan dengan melihat pandangan responden terhadap apa persoalan berikut:

1. Mbenarkan Homoseksual Berucap.
2. Mbenarkan Homoseksual Mengajar.
3. Mbenarkan Buku Berkaitan Homoseksual Di Pepustakaan.
4. Hubungan Antara Homoseksual.
5. Homoseksual Seks.

Setiap persoalan ini akan diberikan skor. Skor yang minimum ialah 0 maksimum ialah 1. Pengagihan skor yang mendalam boleh dirujuk di bahan 4.

Maksimum skor seseorang responden boleh memperolehi ialah 5 kala skor minimum ialah 0. Semakin tinggi skor yang diperolehi ini jukkan seseorang itu lebih berfikiran terbuka terhadap hubungan seksual dan sebaliknya.

Jal 6.5: Peratus Skor Menyokong Hubungan Homoseksual Mengikut Kategori n Pendidikan, Umur, Jawatan, Kumpulan Etnik dan Jantina
Menyokong Hubungan Homoseksual

Skor	0 (%)	1 - 2 (%)	3 - 5 (%)	JUMLAH PERATUS (%)	BIL. KES	KES SAMPEL *	NILAI MIN
IUN PENDIDIKAN	39.9	19.5	40.5	100	2992	2992	1.747
11	52.3	24.1	23.7	100	553	553	1.194
12	43.8	21.0	35.2	100	929	929	1.567
13-15	34.8	15.6	49.6	100	744	744	2.012
16-20	30.8	18.3	50.9	100	759	759	2.123
UMUR	40.0	19.5	40.6	100	2986	2986	1.747
≤ 29	36.3	16.5	47.2	100	521	521	2.004
30 - 39	34.7	21.1	44.2	100	753	753	1.912
40 - 49	36.4	15.6	48.0	100	623	623	1.904
50 - 59	41.3	18.8	39.9	100	416	416	1.661
≥ 60	51.1	24.1	24.8	100	673	673	1.245
JAWATAN	39.4	19.4	41.3	100	2853	2853	1.771
Pengurusan, esisional dan Pakar	31.6	19.4	49.1	100	713	713	2.097
nikal, Jualan dan Pentadbiran	39.9	18.1	42.1	100	1390	1390	1.774
anian, Perhutanan dan Perikanan	56.5	21.0	22.6	100	62	62	1.145
f dan Kerja-kerja Pembaikan	43.3	22.7	34.0	100	282	282	1.532
Buruh	46.1	21.4	32.5	100	406	406	1.448
JMPULAN ETNIK	39.9	19.5	40.5	100	2992	2992	1.747
KULIT PUTIH	39.5	19.1	41.4	100	2483	2483	1.782
KULIT HITAM	43.0	20.9	36.1	100	388	388	1.549
LAIN-LAIN	38.8	24.0	37.2	100	121	121	1.653
JANTINA	39.9	19.5	40.5	100	2992	2992	1.747
LELAKI	39.6	19.7	40.7	100	1290	1290	1.744
WANITA	40.2	19.4	40.4	100	1702	1702	1.749

rang perbezaan kes yang didapati antara kes sampel dan bilangan kes di dalam jadual adalah bkan oleh maklumat hilang/kes yang tidak berkenaan (missing value).

Jal 6.6: Ujian Statistik Chi-square Antara Skor Menyokong Hubungan oseksual Mengikut Kategori Tahun Pendidikan, Umur, Jawatan, Kumpulan k dan Jantina

EMBOLEHUBAH	CHI-SQUARE	D.K	SIGNIFIKAN
IUN PENDIDIKAN	145.320	8	0.000
JAWATAN	103.690	8	0.000
JMPULAN ETNIK	52.407	8	0.000
JANTINA	5.605	4	0.231
UMUR	0.109	2	0.947

Tahap pendidikan kelihatan mempunyai nilai Chi-square yang tertinggi (145.320) antara 5 pembolehubah yang ada. Ini menunjukkan faktor tahap likan mungkin merupakan faktor yang penting dalam menerangkan variasi skor menyokong hubungan homoseksual.

Responden yang berpendidikan 12 tahun dan kurang, majoritinya tidak menyokong hubungan homoseksual (skor = 0). Manakala responden yang mendidikian 13 tahun dan ke atas kebanyakannya memperolehi skor di antara 3 – 5 (sangat menyokong). Jika ditinjau nilai minnya, didapati semakin tinggi tahap pendidikan seseorang responden, semakin tinggi nilai skor yang diperolehnya. Kemungkinan semakin tinggi pendidikan seseorang maka semakin besar pemikiran mereka dan dapat menerima pelakuan sejenis dengan lebih baik.

Umur responden kelihatan mempunyai hubungan songsang dengan minnya terhadap pelakuan hubungan homoseksual. Apabila umur meningkat, min nilai min skor menurun. Keadaan ini juga dijelaskan oleh hasil ujian Pearson Kolerasi di Lampiran 5 di mana wujudnya hubungan negatif yang signifikan antara faktor umur dan skor yang diperolehi pada aras ketertian 1%. Keadaan ini jelas ditunjukkan oleh pencapaian min terendah bagi golongan yang termasuk tua (≥ 60 tahun). Ini bermakna mereka (golongan tua) lebih bersifat konservatif dan kebanyakannya tidak dapat menerima hubungan homoseksual (0%).

Jika ditinjau dari segi profesi, didapati golongan yang dalam bidang pertanian, Perhutanan dan Perikanan”, “Kraf dan Kerja-kerja Pembinaan” dan “Jasuh” kebanyakannya tidak menyokong pelakuan homoseksual ini. Manakala responden yang bekerja sebagai “Pengurusan, Profesional dan Pakar” dan ahli teknikal, Jualan dan Pentadbiran”, majoritinya memperolehi skor di antara 3

5, menunjukkan bahawa kategori jawatan ini kebanyakannya dapat manya malahan sangat menyokongnya.

Kaum kulit putih kebanyakannya bersikap lebih terbuka terhadap hubungan eksual berbanding kaum kulit hitam. Skor menyokong hubungan eksual menunjukkan kedua-dua golongan lelaki dan wanita majoritinya erolehi skor di antara 3 – 5. Hasil ujian “t” menunjukkan perbezaan nilai kor yang diperolehi antara lelaki dan wanita adalah tidak signifikan pada eertian 5% (iaitu sama pada 1.74) (Lampiran 6). Ini bermakna tidak at perbezaan pandangan yang ketara di antara kaum wanita dan lelaki ung isu ini.

Persepsi Terhadap Seks

Bahagian ini memaparkan pandangan responden terhadap ongan seks terutamanya hubungan seks sebelum kahwin. Sebagaimana telah dinyatakan dalam Bab 1 bahawa sesuatu isu yang mungkin gapkan sebagai suatu masalah sosial dalam sesuatu masyarakat, ngkinannya tidak dianggapkan sedemikian dalam kumpulan arakat yang lain. Ini adalah kita hidup dalam budaya yang berlainan. rmasuk juga pelakuan seks seseorang individu dan pandangan mereka dap seks. Oleh yang demikian, pelakuan seks mungkin tidak boleh igap sebagai satu masalah sosial dalam masyarakat Amerika Syarikat ia kebanyakan daripada mereka merasakannya sebagai pelakuan al. Ini juga dinyatakan oleh Julian, bahawa kebanyakan pelakuan seks terdahulu telah dianggapkan sebagai pelakuan yang tidak sihat atau

ra yang patut ditentangi tetapi kini telah dianggap sebagai sesuatu yang diterima umum dengan sepenuhnya (Julian, 1977: 437).

Oleh kerana aktiviti seks seseorang itu banyak dipengaruhi oleh agama, lombi dan kebudayaan seseorang itu (Julian, 1977: 437), kemungkinan suatu nanti, hubungan seks sebelum kahwin akan menjadi sesuatu perkara yang diterima umum. Namun demikian, hubungan seks bebas tetap akan latangkan masalah sosial. Antara masalah yang serius ialah masalah remaja yangandung tanpa berkahwin dan pengguguran haram. Para remaja yang akal masih belum skorng, tiada sumber pendapatan dan masih bergantung kepada ibu akan menghadapi masalah apabila mendapat anak tanpa berkahwin. Maka ini membulkan masalah kepada keluarga dan seterusnya masyarakat. Di samping ergaulan seks bebas mendedahkan mereka kepada AIDS dan lain-lain jenis akit kelamin.

Oleh yang demikian, adalah penting mengkaji pandangan responden terhadap isu ini. Beberapa persoalan yang berkaitan telah dikaji. Respon kepada soalan dikodkan semula dengan memberikan skor. Soalan yang diajukan adalah angan mereka terhadap:-

1. Hubungan Seks Sebelum Kahwin.
2. Seks Sebelum Kahwin Bagi Umur 14 - 16 Tahun.
3. Adakah Lelaki dan Perempuan Harus Tinggal Bersama Sebelum Berkahwin.
4. Tinggal Bersama (Tanpa Berkahwin) Merupakan Suatu Perkara Yang Boleh Diterima.
5. Hubungan Seks Di Luar Perkahwinan.

Setiap jawapan kepada persoalan di atas diberikan skor antara 0 dan 3, 10 bagi paling tidak setuju dan 3 bagi paling setuju (Lampiran 7).


Maksimum skor yang boleh diperolehi oleh seseorang responden ialah 15 manakala minimum skor ialah 0. Semakin tinggi skor yang diperolehi oleh seorang itu maka boleh dikatakan semakin cenderung dia menyokong hubungan seks bebas dan sebaliknya. Ini bermakna skor yang rendah akan menggambarkan seorang itu lebih konservatif.

Skor yang diperolehi boleh dikategorikan kepada 3 kategori, iaitu 0 skor manakala responden tidak setuju kepada hubungan seks bebas, 1 – 7 skor manakala responden setuju dan 8 – 15 menandakan responden sangat setuju (dual 6.7).

Tabel 6.7: Taburan Skor Menyokong Hubungan Seks Bebas

	KEKERAPAN	PERATUS (%)
Tidak Setuju (0 skor)	919	30.7
Setuju (1 – 7 skor)	1871	62.5
Sangat Setuju (8 – 15 skor)	202	6.8
Total	2992	100

Graf 6.2: Peratus Responden terhadap hubungan Seks Bebas



Jadual 6.7 dapat digambarkan melalui carta pai supaya ia lebih mudah dan jelas dilihat (Rajah 6.2). Carta pai menunjukkan responden yang berada di kategori setuju mewakili majoriti responden. Seterusnya, diikut dengan responden yang tidak setuju dan responden yang sangat setuju.

Jadual 6.8: Peratus Skor Menyokong Seks Bebas Mengikut Kategori Umur, Tempat Tinggal, Tahap Pendidikan, Jantina dan Kumpulan Etnik
Menyokong Seks Bebas (0-15)

Skor	0 (%)	1 - 7 (%)	8 - 15 (%)	JUMLAH PERATUS (%)	BIL. KES KAJIAN	KES SAMPEL *	NILAI MIN
UMUR	30.7	62.5	6.8	100	2986	2986	2.727
< 29	25.7	63.0	11.3	100	521	521	3.418
30 - 39	24.7	64.9	10.4	100	753	753	3.284
40 - 49	29.7	64.5	5.8	100	623	623	2.724
50 - 59	31.0	64.9	4.1	100	416	416	2.435
≥ 60	42.2	56.0	1.8	100	673	673	1.750
TEMPAT TINGGAL	30.7	62.5	6.8	100	2992	2992	2.728
BANDAR BESAR	28.2	63.9	7.9	100	1027	1027	2.967
BANDAR KECIL	28.2	64.8	7.0	100	1132	1132	2.811
KAMPUNG	37.2	57.7	5.0	100	833	833	2.321
TAHUN PENDIDIKAN	30.7	62.5	6.8	100	2992	2992	2.728
≤ 11	38.5	54.6	6.9	100	553	553	2.430
12	29.6	65.0	5.4	100	929	929	2.580
13-15	28.8	63.0	8.2	100	744	744	2.981
16-20	28.2	64.8	7.0	100	759	759	2.879
JANTINA	30.7	62.5	6.8	100	2992	2992	2.728
LELAKI	28.5	63.1	8.4	100	1290	1290	2.955
WANITA	32.4	62.1	5.5	100	1702	1702	2.556
KUMPULAN ETNIK	30.7	62.5	6.8	100	2992	2992	2.728
KULIT PUTIH	30.5	62.7	6.8	100	2483	2483	2.744
KULIT HITAM	31.4	62.4	6.2	100	388	388	2.709
LAIN-LAIN	33.1	59.5	7.4	100	121	121	2.471

*Sebarang perbezaan kes yang didapati antara kes sampel dan bilangan kes di dalam jadual adalah disebabkan oleh maklumat hilang/kes yang tidak berkenaan (missing value).

Jadual 6.9: Ujian Statistik Chi-square Antara Skor Menyokong Hubungan Seks Bebas Mengikut Kategori Umur, Tempat Tinggal, Tahap Pendidikan, Jantina dan Kumpulan Etnik

PEMBOLEHUBAH	CHI-SQUARE	D.K	SIGNIFIKAN
UMUR	108.617	8	0.000
TEMPAT TINGGAL	25.848	4	0.000
TAHAP PENDIDIKAN	26.761	8	0.009
JANTINA	12.475	2	0.002
KUMPULAN ETNIK	0.796	4	0.939

Statistik menunjukkan golongan yang muda memperolehi nilai min skor yang tinggi berbanding golongan yang lebih tua. Keadaan ini menunjukkan kewujudan hubungan songsang antara faktor umur dengan pandangan terhadap seks bebas (Jadual 6.8). Keadaan ini juga dibuktikan oleh hasil ujian Korelasi Pearson dalam Lampiran 8.

Walaupun skor bagi kesemua kategori umur didapati tertumpu kepada skor di antara 1 hingga 7 skor, didapati bagi kategori skor antara 8 hingga 15 telah menunjukkan peratus yang menurun apabila umur semakin meningkat. Misalannya, dalam kategori skor antara 8 hingga 15, terdapat 11.3%, bagi responden yang berumur \leq 29 tahun, tetapi hanya 1.8% bagi yang berumur antara \geq 60 tahun. Sebaliknya, bagi mereka yang tidak menyokong hubungan seks bebas (skor = 0) didapati peratus meningkat apabila umur meningkat. Ini menunjukkan bahawa golongan tua lebih bersifat konservatif berbanding golongan yang muda. Hasil ujian Chi-square juga menunjukkan bahawa terdapat kesan yang signifikan antara faktor umur dan pandangan terhadap seks bebas (ujian menggunakan skor responden) pada aras keertian 0.1%. Ini bermakna faktor umur mempengaruhi pandangan mereka terhadap hubungan seks bebas. Tambahan lagi, nilai Chi-square yang tinggi menandakan bahawa kemungkinan faktor umur merupakan faktor yang terpenting sekali dalam menerangkan variasi pendapat terhadap hubungan seks bebas.

Walaupun masyarakat di Amerika Syarikat dianggap liberal tetapi nilai mereka hampir sama seperti nilai masyarakat timur, khususnya pandangan mereka terhadap hubungan seks bebas.

Ditinjau pendapat tentang perkara ini mengikut tempat tinggal responden, didapati masyarakat di bandar besar mempunyai nilai min skor yang tertinggi

sekali berbanding masyarakat bandar kecil dan masyarakat di kampung. Ini menunjukkan bahawa masyarakat di bandar besar lebih bersifat terbuka terhadap isu ini berbanding bandar kecil dan kampung. Ini mungkin disebabkan keadaan bandar besar lebih terdedah kepada pusat hiburan seperti pub, diskotik, pusat periacuran dan sebagainya berbanding kawasan kampung. Keadaan ini mendorong mereka bertikiran lebih terbuka terhadap aktiviti seks.

Sesetengah kawasan di Nevada, Amerika Syarikat mempunyai lesen untuk pusat pelacuran dan bidang peniagaan ini selalunya mendatangkan hasil yang lumayan. Keadaan ini menyebabkan ramai orang mencebur' bidang perniagaan ini dan kewujudan pusat ini membolehkan bahan lucu mudah diperolehi. Ini secara tidak langsung menimbulkan persepsi kepada masyarakat bahawa seks merupakan sesuatu perkara yang biasa. Jadi tidak hairanlah majoriti responden yang tinggal di bandar besar memperolehi skor yang tinggi bagi isu ini (Jadual 6.8).

Dilihat dari perspektif gender pula, didapati responden lelaki lebih bersifat terbuka terhadap isu seks bebas berbanding kaum wanita. Peratus yang tinggi (8.4%) didapati tertumpu pada kategori skor 8 hingga 15 bagi kaum lelaki berbanding kaum wanita iaitu 5.5%. Golongan wanita lebih ramai yang tidak bersetuju (skor = 0) iaitu 32.4% berbanding kaum lelaki (28.5%). Ini menunjukkan kaum wanita lebih bersifat konservatif terhadap isu ini.

Ujian "t" yang dijalankan (Lampiran 9) telah menunjukkan perbezaan nilai min ini adalah signifikan pada aras keertian 0.1%. Ini menunjukkan terdapat perbezaan pendapat yang agak ketara antara dua kumpulan ini. Di samping itu, hasil ujian Chi-square juga menunjukkan kesan yang signifikan bagi faktor jantina.

Dari segi perbandingan antara kumpulan etnik pula, didapati majoriti daripada mereka tertumpu pada kategori skor 1 - 7 untuk semua kumpulan etnik.

Namun begitu, kaum kulit putih mempunyai nilai min yang tertinggi sekali (2.744) berbanding kaum yang lain. Begitu juga, bagi kategori yang amat setuju (skor 8 - 15) didapati peratus kaum kulit putih adalah lebih tinggi (6.8%) berbanding kaum yang lain. Keadaan ini menunjukkan kaum kulit putih lebih bersifat terbuka berbanding kaum yang lain. Namun, hasil ujian Chi-square didapati tidak mempunyai kesan yang signifikan ($P>0.05$). Ini bermakna pengaruh etnik tidak begitu signifikan.

Seterusnya kita lihat pengaruh latar belakang pendidikan responden terhadap seks bebas (Jadual 6.8). Responden yang berpendidikan kurang 11 tahun didapati mempunyai nilai min skor yang paling rendah sekali berbanding golongan responden yang lain. Responden yang lebih tinggi berpendidikan kelihatanya lebih bersifat terbuka dalam soal hubungan seks. Ini jelas dilihat dalam min skor yang mereka perolehi. Golongan yang berpendidikan 13 hingga 15 tahun mempunyai nilai min skor yang lebih tinggi berbanding responden yang berpendidikan hanya setakat 12 tahun. Begitu juga bagi responden yang berpendidikan 12 tahun didapati nilai minnya adalah melebihi golongan yang berpendidikan kurang dari 12 tahun. Hasil ujian Chi-square telah menunjukkan bahawa faktor pendidikan juga merupakan faktor yang penting dalam menerangkan variasi dalam skor hubungan seks bebas. Ini bermakna taraf pendidikan responden mempengaruhi pandangan mereka terhadap aktiviti seks bebas.

6.1.4 Perasaan Secara Umum

Analisis seterusnya adalah mengkaji perasaan responden secara umum, sama ada mereka gembira atau tidak. Kegembiraan responden juga ditinjau dari segi kebahagian dalam perkahwinan (khususnya bagi golongan yang berkahwin).

Di samping itu, kegembiraan juga dikaji dari faktor kumpulan etnik dan faktor jantina.

Jadual 6.10: Peratus Responden Gembira Secara Umum Mengikut Kategori Responden Yang Bahagia Dalam Perkahwinan

	SANGAT GEMBIRA (%)	GEMBIRA (%)	TIDAK GEMBIRA (%)	JUMLAH PERATUS (%)	BIL. KES	KES SAMPEL *
PERKAHWINANBAHAGIA	38.2	54.5	7.3	100	1528	1529
SANGAT BAHAGIA	57.9	38.7	3.5	100	926	927
BAHAGIA	8.5	80.5	11.0	100	555	555
TIDAK BAHAGIA	2.1	57.4	40.4	100	47	47
UJIAN CHI-SQUARE		D.K		SIGNIFIKAN		
449.434		4		0.000		

*Sebarang perbezaan kes yang didapati antara kes sampel dan bilangan kes di dalam jadual adalah disebabkan oleh maklumat hilang/kes yang tidak berkenaan (missing value).

Jadual 6.10 menunjukkan peratus responden yang berkahwin yang telah ditanya tentang perasaan mereka terhadap perkahwinan dan perasaan mereka secara umumnya.

Didapati perasaan terhadap perkahwinan seseorang banyak mempengaruhi perasaan kegembiraan seseorang secara umum (bagi responden yang berkahwin). Majoriti responden yang bahagia didapati juga sangat gembira secara umumnya. Jelas dapat dilihat jika mereka tidak bahagia dalam perkahwinan mereka juga tidak gembira dalam hidup. Keadaan ini menunjukkan bahawa kebahagian perkahwinan amat mempengaruhi kegembiraan secara umumnya. Tambahan lagi, hasil ujian Chi-square turut memaparkan suatu kesan yang signifikan pada aras keertian 0.1% bagi pembolehubah kegembiraan umum terhadap faktor kebahagian perkahwinan.

Jadual 6.11: Peratus Responden Gembira Secara Umum Mengikut Kumpulan Etnik

	SANGAT GEMBIRA (%)	GEMBIRA (%)	TIDAK GEMBIRA (%)	JUMLAH PERATUS (%)	BIL. KES
KUMPULAN ETNIK	28.8	59.0	12.2	100	2977
KULIT PUTIH	30.9	58.6	10.4	100	2471
KULIT HITAM	16.6	60.5	22.9	100	385
LAIN-LAIN	24.0	61.2	14.9	100	121
UJIAN CHI-SQUARE	D.K		SIGNIFIKAN		
67.685	4		0.000		

*Jumlah sampel sebenar bagi kaum kulit putih adalah 2,483 kes, manakala bagi golongan kaum kulit hitam adalah 388 kes dan lain-lain kaum pula adalah 121 kes. Sebarang perbezaan yang didapati di dalam jadual adalah disebabkan oleh maklumat hilang/kes yang tidak berkenaan (missing value).

Jadual 6.11 menunjukkan peratus “Perasaan Gembira” umumnya mengikut kumpulan etnik. Majoriti daripada responden merasa gembira. Keadaan ini benar bagi setiap kumpulan etnik. Walau bagaimanapun, peratus yang tidak gembira lebih tinggi di kalangan kulit hitam (22.9%) berbanding kulit putih (10.4%) dan lain-lain (14.9%). Lebih ramai kaum kulit putih (30.9%) merasakan sangat gembira berbanding dengan yang lain (16.6% kaum kulit hitam dan 24.0% lain-lain kaum). Hasil ujian Chi-square telah menunjukkan suatu kesan yang signifikan pada aras keertian 0.1%.

Jadual 6.12: Peratus Responden Gembira Secara Umum Mengikut Jantina

	SANGAT GEMBIRA (%)	GEMBIRA (%)	TIDAK GEMBIRA (%)	JUMLAH PERATUS (%)	BIL. KES
JANTINA	28.8	59.0	12.2	100	2977
LELAKI	29.9	58.8	11.3	100	1282
WANITA	28.0	59.1	12.9	100	1695
UJIAN CHI-SQUARE	D.K		SIGNIFIKAN		
2.484	2		0.289		

*Jumlah sampel sebenar bagi kaum lelaki adalah 1,290 kes dan bagi golongan kaum wanita pula adalah 1,702 kes. Sebarang perbezaan yang didapati di dalam jadual adalah disebabkan oleh maklumat hilang/kes yang tidak berkenaan (missing value).

Jika dibandingkan perasaan gembira antara kaum lelaki dan wanita (jadual 6.12), didapati tidak terdapat banyak perbezaan. Tambahan lagi, hasil ujian Chi-square menunjukkan tidak ada kesan yang signifikan pada aras keertian 5% bagi pembolehubah kegembiraan secara umum dan faktor jantina. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat bukti yang cukup untuk menunjukkan mana-mana pihak sama ada lelaki atau wanita adalah lebih gembira.

6.2 Isu Perkauman

Isu perkauman merupakan satu perkara yang sering dikaitkan dengan negara berbilang kaum, termasuklah juga Amerika Syarikat. Beberapa perkara dan persoalan berkaitan isu tersebut dikaji dalam penyelidikan ini. Antara pembolehubah yang diambil kira ialah perumahan, kejiraninan dan sifat-sifat berbau perkauman.

Seksyen ini mengandungi dua bahagian. Bahagian pertama merupakan kajian ke atas perumahan dan hubungan rumah tetangga responden dan bahagian kedua pula mengkaji sifat-sifat berbau perkauman yang wujud khususnya di kalangan kaum kulit putih. Di samping itu, pandangan responden ke atas sistem pendidikan juga ditinjau.

6.2.1 Perumahan dan Hubungan Rumah Tetangga.

Dasar perasingan bangsa sudah lama berlaku di Amerika Syarikat, di mana, suatu keadaan yang nyata ialah kaum kulit putih di desa dan kaum kulit hitam di bandar (Julian, 1977: 271).

“While white were moving to the suburbs, blacks were moving to the cities. During the 1960s the black population of New York City increased by 38.2 percent. Other cities with black populations of 50,000 or more showed similar gains. Dallas, Los Angeles, Boston, and Detroit showed net increases of over 20 percent (Census Bureau, 1971). Though this rate of white migration to the suburbs and black migration to the cities declined during the 1970s, a segregated pattern of housing had already become firmly established (Julian, 1977: 271).”

Secara ringkasnya, ini memberi gambaran yang kaum kulit putih ramai yang tinggal di pinggir bandar, manakala kaum kulit hitam pula lebih ramai

tertumpu di bandar. Kesan migrasi seperti ini membentukkan corak penempatan yang terpisah atau terasing.

Jadual 6.13: Peratus Tempat Tinggal Mengikut Kumpulan Etnik

	BANDAR BESAR (%)	BANDAR KECIL (%)	KAMPUNG (%)	BIL KES
KUMPULAN ETNIK	34.3	37.8	27.8	2992
KULIT PUTIH	30.2	39.7	30.2	2483
KULIT HITAM	59.0	24.2	16.8	388
LAIN-LAIN	40.5	43.8	15.7	121
CHI-SQUARE		D.K		SIGNIFIKAN
15.302		12		0.225

Jadual 6.13 jelas menunjukkan bahawa kaum kulit hitam majoritinya (59.0%) tertumpu di bandar besar manakala kaum kulit putih lebih tertumpu di bandar kecil dan kampung (39.7% dan 30.2% masing-masingnya).

Jadual 6.14: Peratus antara Kaum dalam Pelbagai Pembolehubah

PEMBOLEHUBAH		KULIT PUTIH (%)	KULIT HITAM (%)	LAIN-LAIN KAUM (%)
ADAKAH TERDAPAT BERLAINAN KAUM DI TEMPAT TINGGAL?	YA	60.5	82.6	79.8
	TIDAK	39.5	17.4	20.2
ADAKAH TERDAPAT BERLAINAN KAUM TINGGAL BERDEKATAN DENGAN RESPONDEN?	YA	73.0	91.2	91.7
	TIDAK	27.0	8.8	8.3
MUNGKINKAH JIRAN-JIRAN AKAN MENJADI KAUM KULIT HITAM	SEMUA KULIT HITAM	4.5	16.9	8.7
	BERCAMPURAN	95.5	83.1	91.3
MENJEMPUT LAIN KAUM UNTUK MAKAN MALAM BARU-BARU INI	YA	34.1	53.1	39.1
	NO	65.9	46.9	60.9

Sifat toleransi kaum dapat dilihat dari segi di mana mereka tinggal, jiran mereka dan keselesaan mereka untuk bersosial dan berinteraksi antara satu dengan lain. Beberapa persoalan berkaitan dengan hal ini diteliti.

Jadual 6.14 di atas menunjukkan kedudukan tempat tinggal masyarakat Amerika Syarikat khususnya responden dalam kajian ini. Didapati kedua-dua kaum (60.5% kaum kulit putih dan 82.6% kaum kulit hitam) tinggal di kawasan yang bercampuran kaum. Kedua-dua kaum (73% kaum kulit putih dan 91.2% kaum kulit hitam) juga menyatakan bahawa terdapat kaum lain tinggal berhampiran dengannya. Kedua-dua kaum iaitu 95.5% kaum kulit putih dan 83.1% kaum kulit hitam juga berpendapat setuju untuk tinggal di kawasan perumahan yang bercampuran kaum.

Namun begitu, dari segi bersosial, kaum kulit hitam lebih bersedia untuk berinteraksi lebih rapat. Misalnya, lebih ramai (53.1%) kaum kulit hitam berbanding kaum kulit putih iaitu 46.9% mengatakan bersedia untuk mempelawa kaum lain untuk makan malam di rumah mereka.

6.2.2 Sifat Perkauman

Bahagian ini menyentuh beberapa perkara berhubung isu perkauman. Responden ditanya soalan yang berkaitan atau mirip kepada sifat perkauman. Antara soalan yang ditanya adalah seperti berikut:

1. Bantahan Terhadap Perkahwinan Campur.
2. Undi Presiden Kaum Kulit Hitam.
3. Sekolah Bercampuran Kaum.
4. Sekolah Separa Bercampuran Kaum.
5. Sekolah Yang Terdiri Daripada Satu Kaum Sahaja.
6. Pendapat Tentang “Racial Busing”¹.
7. Membenarkan *Racist* Berucap.
8. Membenarkan *Racist* Mengajar.

¹ Untuk mengimbangi bilangan pelajar minoriti dalam sebuah sekolah dalam kawasan tertentu, maka perpindahan pelajar dilakukan dari satu kawasan ke kawasan yang lain (Julian, 1977: 285).

9. Mbenarkan buku-buku *Racist* di Perpustakaan.

Untuk mengkaji isu ini, setiap persoalan akan diberikan skor. skor minimum yang akan diberikan kepada soalan tersebut di atas ialah 0 dan maksimum adalah 1. Keterangan pembahagian skor secara mendalam dijelaskan dalam Lampiran 10.

Kajian ini hanya akan fokus kepada pendapat kaum kulit putih sahaja. Ini adalah kerana kebiasaan kaum kulit hitam adalah merupakan golongan minoriti yang tertindas maka dengan mengkaji pendapat kaum kulit putih terhadap perkara di atas dapat memperolehi suatu gambaran tentang sifat perkauman di Amerika Syarikat. Tambahan lagi, soalan yang ditanya diarah untuk kaum kulit putih. Maka kajian ini hanya dapat dikaji dari kaca skor kaum kulit putih sahaja.

Jumlah maksimum skor yang boleh diperolehi oleh seseorang individu responden ialah 9 skor. Semakin tinggi skor yang diperolehi menunjukkan kecenderungan seseorang itu bersifat perkauman (racialisme) dan sebaliknya semakin rendah skor yang diperolehi menunjukkan seseorang itu kurang cenderung bersifat perkauman.

Didapati seseorang responden boleh memperolehi skor di antara 0 (minimum) hingga 9 (maksimum). Min skor yang diperolehi adalah 2.346 dan skor-skor ini telah dikategorikan kepada 3 kategori iaitu, 0 skor (tidak bersifat perkauman), 1 - 3 skor (sedikit bersifat perkauman) dan ≥ 4 skor (amat bersifat perkauman).

Jadual 6.15: Peratus Responden Tahap Racialisme Mengikut Kategori Jantina, Tahun pendidikan dan umur

TAHAP SIFAT PERKAUMAN (0 – 9)							
SKOR	0 (%)	1 - 3 (%)	≥4 (%)	JUMLAH PERATUS (%)	BIL. KES	KES SAMPEL *	NILAI MIN
JANTINA	4.6	77.5	17.9	100	2483	2992	2.346
LELAKI	4.5	77.7	17.8	100	1089	1290	2.338
WANITA	4.7	77.3	17.9	100	1394	1702	2.352
TAHUN PENDIDIKAN	4.6	77.5	17.9	100	2483	2992	2.346
≤11	6.3	77.7	16.0	100	431	553	2.299
12	5.0	77.8	17.2	100	775	929	2.346
13-15	3.0	75.6	21.4	100	598	744	2.410
16-20	4.4	78.7	16.9	100	675	759	2.260
UMUR	4.6	77.5	17.9	100	2480	2986	2.346
≤ 29	5.1	79.0	15.9	100	410	521	2.217
30 - 39	3.8	80.2	16.0	100	611	753	2.331
40 - 49	3.7	76.9	19.4	100	520	623	2.432
50 - 59	4.2	73.6	22.3	100	337	416	2.433
≥ 60	6.3	76.4	17.3	100	602	673	2.324
PEMBOLEHUBAH	CHI-SQUARE	D.K	SIGNIFIKAN				
JANTINA	0.088	2	0.957				
TAHUN PENDIDIKAN	16.504	8	0.056				
UMUR	16.862	8	0.079				

*Sebarang perbezaan kes yang didapati antara kes sampel dan bilangan kes di dalam jadual adalah disebabkan oleh maklumat hilang/kes yang tidak berkenaan (missing value).

Min skor keseluruhan bagi responden kulit putih adalah 2.346. Dari Jadual 6.15 di atas didapati min skor bagi golongan wanita adalah lebih kurang sama (2.352) dengan golongan lelaki (2.338). Tambahan lagi, perbezaan min ini adalah tidak ketara atau tidak signifikan (0.780) pada aras keertian 5% (Rujuk Lampiran 11). Ini bermakna golongan lelaki dan wanita tidak menunjukkan perbezaan yang ketara dari segi sifat perkauman.

Kedua-dua golongan lelaki dan wanita majoritinya (77.7% dan 77.3%, masing-masing) mempunyai peratus responden di antara kategori 1 - 3 skor. Namun, peratus bagi kedua-dua golongan kelihatan tidak banyak berbeza bagi setiap kategori skor. Tambahan lagi, hasil ujian Chi-square menunjukkan kesan

yang tidak signifikan (0.957) pada aras keertian 5% menunjukkan faktor jantina tidak mempengaruhi secara signifikan sifat perkauman.

Tahun pendidikan mempunyai min skor yang tertinggi bagi tahun pendidikan di antara 13 – 15 tahun (2.410) dan min skor yang paling rendah pada tahun pendidikan antara 16-20 tahun (2.260). Didapati semua kategori tahun pendidikan majoritinya memperolehi skor sifat perkauman antara 1 hingga 3. Hasil ujian Chi-square menunjukkan faktor tahun pendidikan adalah tidak signifikan (0.056) pada aras keertian 5%. Ini bermakna bahawa faktor umur juga tidak merupakan faktor yang penting dalam menerangkan variasi skor sifat perkauman.

Bagi faktor umur pula, didapati hasil ujian Chi-square menunjukkan kesan yang tidak signifikan (0.079) pada aras keertian 5%. Didapati min skor adalah lebih tinggi bagi kategori umur di antara 40-59 tahun berbanding kategori umur \leq 29 tahun (2.217), 30 – 39 tahun (2.331) dan \geq 60 tahun (2.324). Ini menunjukkan sifat perkauman adalah tinggi bagi golongan yang berumur di antara 40 – 49 tahun (2.432) dan 50 – 59 tahun (2.433).

Walau bagaimanapun, ketiga-tiga faktor yang dikaji tidak menunjukkan kesan yang signifikan terhadap skor responden terhadap sifat perkauman. Ini menunjukkan faktor-faktor ini tidak merupakan faktor yang penting dan kemungkinan terdapat faktor lain yang merupakan faktor yang penting dalam menerangkan variasi skor sifat perkauman.

Jadual 6.16: Pandangan Terhadap Sekolah Bercampuran Kaum

	TIDAK SETUJU (%)	SETUJU (%)	JUMLAH BILANGAN KES
KUMPULAN ETNIK	3.6	96.4	1946
KULIT PUTIH	3.5	96.5	1617
KULIT HITAM	5.1	94.9	256
LAIN-LAIN	2.7	97.3	73
UJIAN CHI-SQUARE	D.K.	SIGNIFIKAN	
1.818	2	0.403	

*Jumlah sampel sebenar bagi kaum kulit puuh adalah 2,483 kes, manakala bagi golongan kaum kulit hitam adalah 388 kes dan lain-lain kaum pula adalah 121 kes. Sebarang perbezaan yang didapat di dalam jadual adalah disebabkan oleh maklumat hilang/kes yang tidak berkenaan (missing value).

Responden juga telah ditanya tentang pandangan mereka terhadap sekolah berbilang kaum. Keputusannya dipaparkan dalam Jadual 6.16. Jadual jelas menunjukkan bahawa majoritinya (96.5% kulit putih dan 94.9% kulit hitam) tidak membantah pendapat ini. Tambahan lagi, hasil ujian Chi-square menunjukkan kesan yang tidak signifikan (0.403) pada aras keertian 5%. Ini menunjukkan tidak ada perbezaan pendapat antara kaum dalam soal sekolah bercampuran kaum ini dan faktor kaum bukan merupakan faktor yang penting dalam mempengaruhi pendapat ini.

Jadual 6.17: Pandangan Terhadap Sekolah Separa Campuran Kaum

	TIDAK SETUJU (%)	SETUJU (%)	BIL. KES
KUMPULAN ETNIK	12.1	84.8	1906
KULIT PUTIH	13.6	83.1	1584
KULIT HITAM	1.2	96.4	248
LAIN-LAIN	14.9	82.4	74
UJIAN CHI-SQUARE	D.K.	SIGNIFIKAN	
33.013	4	0.000	

*Jumlah sampel sebenar bagi kaum kulit puuh adalah 2,483 kes, manakala bagi golongan kaum kulit hitam adalah 388 kes dan lain-lain kaum pula adalah 121 kes. Sebarang perbezaan yang didapat di dalam jadual adalah disebabkan oleh maklumat hilang/kes yang tidak berkenaan (missing value).

Tetapi keadaan agak berlainan apabila ditanya pandangan mereka tentang sekolah separa campuran kaum (partial mixed race). Lebih ramai di kalangan kaum kulit putih yang membantah berbanding kaum kulit hitam iaitu 13.6% berbanding 1.2% masing-masing. Hasil ujian Chi-square menunjukkan kesan yang signifikan (0.000) iaitu kaum merupakan faktor yang penting dalam menerangkan variasi pendapat sekolah separa campuran kaum.

Jadual 6.18: Pandangan Terhadap Sekolah Kebanyakannya Terdiri Daripada Sesuatu Kaum Sahaja

	TIDAK SETUJU (%)	SETUJU (%)	BIL. KES
KUMPULAN ETNIK	36.5	63.5	1565
KULIT PUTIH	41.6	58.4	1269
KULIT HITAM	10.6	89.4	236
LAIN-LAIN	30.0	70.0	60
UJIAN CHI-SQUARE	D K	SIGNIFIKAN	
83.730	2	0.000	

*Jumlah sampel sebenar bagi kaum kulit puuh adalah 2,483 kes, manakala bagi golongan kaum kulit hitam adalah 388 kes dan lain-lain kaum pula adalah 121 kes. Sebarang perbezaan yang didapati di dalam jadual adalah disebabkan oleh maklumat hilang/kes yang tidak berkenaan (missing value).

Responden juga ditanya tentang sekolah yang kebanyakannya terdiri daripada satu kaum sahaja. Didapati di kalangan kaum kulit putih terdapat sebanyak 41.6% tidak setuju manakala di kalangan kaum berkulit hitam hanya 10.6% membantah pendapat ini. Hasil ujian Chi-square juga menunjukkan kesan yang signifikan (0.000) pada aras keertian 0.1%.

Keadaan ini menunjukkan bahawa responden kaum putih pada dasarnya tidak membantah persekolahan yang berbilangan kaum. Namun, mereka tidak bersetuju jika terdapat hanya satu jenis kaum sahaja dalam sesebuah sekolah itu. Ini dapat dilihat di mana peratus responden kulit putih yang membantah telah

meningkat dari 13.6% bagi persoalan “Separa Percampuran Kaum” kepada 41.6% bagi “Satu Jenis Kaum Sahaja”.

Jadual 6.19: Perbandingan Pendapat Tentang “Peluang Kaum Kulit Hitam Mendapat Tempat Di Kolej”

	KEMUNGKINAN BESAR (%)	KEMUNGKINAN (%)	TIDAK MUNGKIN (%)	BIL. KES
KUMPULAN ETNIK	27.3	43.6	29.0	713
KULIT PUTIH	29.9	48.6	21.6	589
KULIT HITAM	11.2	13.3	75.5	98
LAIN-LAIN	30.8	46.2	23.1	26
CHI-SQUARE		D.K		SIGNIFIKAN
119.398		4		0.000

*Jumlah sampel sebenar bagi kaum kulit putih adalah 2,483 kes, manakala bagi golongan kaum kulit hitam adalah 388 kes dan lain-lain kaum pula adalah 121 kes. Sebarang perbezaan yang didapati di dalam jadual adalah disebabkan oleh maklumat hilang/kes yang tidak berkewaan (missing value).

Responden juga ditanyakan tentang pandangan mereka terhadap peluang kaum kulit hitam mendapat tempat di kolej. Hasil kajian telah dipaparkan dalam Jadual 6.19. Dari maklumat ini, kita dapat melihat terdapat percanggahan pendapat atau pandangan antara kaum kulit putih dengan kaum kulit hitam berhubung dengan perkara ini. Kaum kulit putih majoritinya (78.5%) berpendapat kaum kulit hitam berkemungkinan mempunyai peluang memperolehi tempat di kolej. Manakala keadaan sebaliknya dirasakan oleh responden kulit hitam di mana majoriti dari mereka (75.5%) berpendapat bahawa mereka tidak mungkin memperolehi tempat di kolej. Tambahan lagi, hasil ujian Chi-square menunjukkan suatu kesan yang signifikan (0.000) bahawa faktor kaum adalah penting berhubung isu peluang memasuki kolej pada aras keertian 0.1%. Oleh itu, faktor kaum mungkin merupakan faktor yang penting dalam menerangkan variasi pendapat ini.

Keputusan ini secara tidak lansung menggambarkan bahawa bagi kaum kulit putih, mereka merasakan bahawa tidak ada pilih kasih dalam peluang belajar

hingga ke peringkat kolej terhadap kaum kulit hitam tetapi kaum kulit hitam berpendapat sebaliknya. Ini mungkin disebabkan oleh perasaan mereka (kaum kulit hitam) yang merasakan kaum mereka sering tertindas.

Jadual 6.20: Perbandingan Pendapat Tentang “Kemungkinan Kaum Kulit Putih Disingkirkan dari Kolej Berbanding Kaum Kulit Hitam”

	KEMUNGKINAN BESAR (%)	KEMUNGKINAN (%)	TIDAK MUNGKIN (%)	BIL. KES
KUMPULAN ETNIK	28.1	43.0	28.9	675
KULIT PUTIH	31.8	46	22.1	556
KULIT HITAM	11.0	26.4	62.6	91
LAIN-LAIN	10.7	35.7	53.6	28
CHI-SQUARE		D.K	SIGNIFIKAN	
73.220		4	0.000	

*Jumlah sampel sebenar bagi kaum kulit putih adalah 2,483 kes, manakala bagi golongan kaum kulit hitam adalah 388 kes dan lain-lain kaum pula adalah 121 kes. Sebarang perbezaan yang didapati di dalam jadual adalah disebabkan oleh maklumat hilang/kes yang tidak berkenaan (missing value).


Jadual 6.20 di atas juga memaparkan percanggahan pendapat antara kaum apabila ditanya tentang persoalan kemungkinan kaum kulit putih disingkirkan dari kolej berbanding kaum kulit hitam. Didapati terdapat 31.8% di kalangan kaum kulit putih berpendapat bahawa mereka berkemungkinan besar disingkirkan dari kolej berbanding kaum kulit hitam. Manakala hanya 11% kaum kulit hitam berpendapat sedemikian. Majoriti di kalangan kaum kulit hitam (62.6%) merasakan bahawa kaum kulit putih tidak mungkin disingkirkan dari kolej. Dalam keadaan yang sama, hanya terdapat 22.1% daripada kaum kulit putih berpendapat sedemikian. Di sini kita dapat melihat kaum lain juga majoritinya berpendapat bahawa kaum kulit putih tidak mungkin disingkirkan dari kolej berbanding kulit hitam. Hasil ujian Chi-square turut menunjukkan terdapat suatu perhubungan yang signifikan (0.000) pada aras keertian 0.1% bagi faktor kaum terhadap pendapat ini

6.3 Isu Kekejaman Dan Keganasan

Seksyen ini meninjau perkara yang berkaitan dengan isu kekejaman dan keganasan. Terdapat sebanyak lima bahagian dalam seksyen ini. Bahagian pertama merupa kajian ke atas senjata api dari segi persetujuan permit dan pemilikannya. Bahagian kedua pula mengkaji latar belakang pemilik senjata api. Manakala Bahagian ketiga mengkaji pengalaman seseorang yang melibatkan keganasan. Bahagian keempat pula mengkaji mangsa keganasan dan akhirnya bahagian kelima mengkaji potensi mirip ke arah melakukan keganasan.

6.3.1 Senjata Api

Rajah 6.3: Aliran Peratus Persetujuan Permit Senjata dari tahun 1972 to 1994



Rajah 6.3 menunjukkan peratus persetujuan responden terhadap permit senjata api. Rajah menggambarkan corak yang agak menarik. Didapati ia menunjukkan suatu aliran yang meningkat secara keseluruhan (dari tahun 1972 hingga 1974 dan dari 1984 hingga 1993). Peningkatan persetujuan dalam permit senjata api mungkin disebabkan oleh peningkatan dalam kes jenayah. Namun,

terdapat penurunan dalam persetujuan permit senjata api pada tahun 1975 hingga 1980 dan selepas tahun 1993. Keadaan ini menunjukkan perubahan pendapat terhadap persetujuan permit senjata api dan dijangka kemungkinan akan mengalami penurunan pada tahun akan datang.


Jadual 6.21: Peratus Responden Mempunyai Senjata Api Di Dalam Rumah Mengikut Jantina

	SENJATA API DALAM RUMAH	BIL. KES
	YA (%)	
JANTINA	40.7	1989
LELAKI	50.2	874
WANITA	33.3	1115
CHI-SQUARE	D.K	SIGNIFIKAN
63.756	2	0.000

*Jumlah sampel sebenar bagi kaum lelaki adalah 1,290 kes dan bagi golongan kaum wanita pula adalah 1,702 kes. Sebarang perbezaan yang didapati di dalam jadual adalah disebabkan oleh maklumat hilang/kes yang tidak berkenaan (missing value).

Jadual 6.21 di atas menunjukkan peratus responden yang mempunyai senjata api di dalam rumah (50.2%) bagi golongan lelaki hampir sama dengan peratus tidak mempunyai senjata api di dalam rumah (49.8%). Manakala sebaliknya berlaku pada golongan wanita di mana kebanyakannya (66.7%) tidak mempunyai senjata api di dalam rumah. Keadaan ini dapat ditunjukkan dengan lebih jelas lagi melalui carta bar di bawah (Rajah 6.4). Tambahan lagi, hasil ujian Chi-square telah menunjukkan kesan yang signifikan (0.000) antara mempunyai senjata api di dalam rumah dan jantina pada aras keertian 0.1%. Ini menyarankan bahawa terdapat hubungan signifikan antara responden yang mempunyai senjata api di dalam rumah dan jantina.

Rajah 6.4: Peratus Responden Mempunyai Senjata Di Dalam Rumah Mengikut Jantina



Keadaan ini menunjukkan lebih golongan lelaki mempunyai senjata api di dalam rumah berbanding golongan wanita.

Jadual 6.22: Peratus Responden Mempunyai Senjata Api Di Dalam Rumah Mengikut Kumpulan Etnik


	SENJATA API DALAM RUMAH		BIL. KES
	YA (%)		
KUMPULAN ETNIK	40.7		1989
KULIT PUTIH	44.3		1643
KULIT HITAM	25.9		259
LAIN-LAIN	17.2		87
CHI-SQUARE		D.K	SIGNIFIKAN
59.051		4	0.000

*Jumlah sampel sebenar bagi kaum kulit putih adalah 2,483 kes, manakala bagi golongan kaum kulit hitam adalah 388 kes dan lain-lain kaum pula adalah 121 kes. Sebarang perbezaan yang didapati di dalam jadual adalah disebabkan oleh maklumat hilang/kes yang tidak berkenaan (missing value)

Jadual 6.22 di atas menunjukkan majoriti responden tidak mempunyai senjata api di dalam rumah. Keadaan ini benar untuk kesemua kaum yang ditinjau. Namun begitu, peratus responden yang mempunyai senjata api di dalam rumah yang tinggi (44.3%) dapat dilihat di kalangan kaum kulit putih berbanding kaum yang lain. Hasil ujian Chi-square telah menunjukkan kesan yang signifikan

(0.000) antara responden yang mempunyai senjata di dalam rumah dan faktor kumpulan etnik pada aras keertian 0.1%. Ini menyarankan bahawa responden yang mempunyai senjata api di dalam rumah ada berkaitan dengan faktor kumpulan etnik. Gambaran yang sama boleh dilihat dalam Rajah 6.5.

Rajah 6.5: Peratus Responden Mempunyai Senjata Api Di Dalam Rumah Mengikut Kumpulan Etnik




Jadual 6.23: Peratus Responden Mempunyai Senjata Api Di Dalam Rumah antara Lelaki dan Wanita Mengikut Kategori Kumpulan Etnik

	LELAKI			WANITA		
	(Ya) %	BIL. KES	KES SAMPEL *	(Ya) %	BIL. KES	KES SAMPEL *
KUMPULAN ETNIK	50.2	874	1290	33.3	1115	1702
KULIT PUTIH	53.1	736	1089	37.2	907	1394
KULIT HITAM	37.4	99	147	18.8	160	241
LAIN-LAIN	28.2	39	54	8.3	48	67


*Sebarang perbezaan kes yang didapati antara kes sampel dan bilangan kes di dalam jadual adalah disebabkan oleh maklumat hilang/kes yang tidak berkenaan (missing value).

Jadual 6.23 menunjukkan dalam setiap kategori kumpulan etnik, golongan lelaki mempunyai peratus yang tinggi berbanding golongan wanita dalam memiliki senjata api di dalam rumah. Keadaan ini telah juga ditunjukkan dalam Rajah 6.6.

Rajah 6.6: Peratus Responden Mempunyai Senjata Api Di Dalam Rumah Mengikut Jantina dan Kumpulan Etnik



Rajah 6.7: Aliran Responden Mempunyai Senjata Api Di Dalam Rumah Antara Lelaki dan Wanita Mengikut Kumpulan Etnik Dari Tahun 1973 hingga 1994



Seterusnya, kita melihat corak responden mempunyai senjata api mengikut jantina dalam kumpulan etnik. Rajah 6.7 di atas menunjukkan corak

pemilikan senjata api di dalam rumah antara lelaki dan wanita bagi kaum kulit putih dan kaum kulit hitam. Secara umumnya, dapat dilihat bahawa sepanjang tahun dari 1973 hingga 1994, lebih ramai golongan lelaki kulit putih mempunyai senjata api di dalam rumah berbanding kaum lain, iaitu sekitaran 50% hingga 60%. Bagi golongan lelaki kulit hitam pula, di antara 30% hingga 50% iaitu bilangan hampir sama golongan wanita kulit putih. Manakala bagi golongan wanita kulit hitam pula, didapati peratus yang lebih rendah berbanding kumpulan lain dan menunjukkan corak yang menurun.

Jadual 6.24: Peratus Responden Mempunyai Senjata Api Di Dalam Rumah Mengikut Tempat Tinggal

	SENJATA API DALAM RUMAH	
	YA (%)	BIL. KES
TEMPAT TINGGAL	40.7	1989
BANDAR BESAR	30.4	688
BANDAR KECIL	38.2	751
KAMPUNG	57.1	550

CHI-SQUARE	D.K	SIGNIFIKAN
100.736	4	0.000

*Jumlah sampel sebenar bagi bandar besar adalah 1,027 kes, manakala bagi bandar kecil adalah 1,132 kes dan kampung pula adalah 833 kes. Sebarang perbezaan yang didapati di dalam jadual adalah disebabkan oleh maklumat hilang/kes yang tidak berkenaan (missing value).

Jadual 6.24 menunjukkan responden di kawasan kampung mempunyai peratus yang tinggi dalam memiliki senjata api di dalam rumah (57.1%) berbanding kawasan bandar besar dan bandar kecil yang masing-masing dengan peratus 30.4% dan 38.2% sahaja. Keadaan ini mungkin disebabkan masyarakat di kampung menyimpan senjata api untuk melindungi diri, ahli keluarga dan harta benda mereka. Keadaan kampung tidak sesesak seperti di bandar dan kebanyakan jiran tinggal beribu-ribu batu jauh antara satu sama yang lain. Maka dengan

adanya senjata api, mereka dapat melindungi diri dan keluarganya sebelum bantuan dari pihak berkuasa tiba.

Didapati juga majoriti masyarakat di bandar besar dan bandar kecil tidak memiliki senjata api di rumah (69.6% dan 61.8% masing-masingnya). Ini mungkin kerana pihak berkuasa dan keselamatan seperti balai polis dan balai bomba yang banyak dan berdekatan serta keadaan persekitaran yang lebih selamat.

6.3.2 Latar Belakang Pemilik Senjata Api

Jumlah responden yang merupakan pemilik kepada senjata api dalam sampel ini ialah sebanyak 555 responden atau mewakili sebanyak 68.7% dari jumlah responden yang mempunyai senjata api di dalam rumah (rujuk Jadual 6.25). Kajian seterusnya ialah untuk melihat latar belakang responden pemilik senjata api.

Jadual 6.25: Peratus Pemilik Senjata Api Mengikut Responden Mempunyai Senjata Api Di Dalam Rumah

	PEMILIK SENJATA API	BIL. KES
	YA (%)	
RESPONDEN MEMPUNYAI SENJATA API DALAM RUMAH	68.3	813
YA	68.7	808
TIDAK	0	0
ENGGAN MENJAWAB	0	5
CHI-SQUARE	D.K	SIGNIFIKAN
813.000	2	0.000

*Jumlah sampel sebenar bagi responden mempunyai senjata api di dalam rumah adalah 810 kes, manakala bagi responden yang tidak mempunyai senjata api di dalam rumah ialah 1,160 kes dan bagi responden yang enggan menjawab pula ialah 19 kes. Sebarang perbezaan yang didapati di dalam jadual adalah disebabkan oleh maklumat hilang/kes yang tidak berkenaan (missing value).

Jadual 6.25(1): Peratus Responden Yang Memiliki Senjata Api Mengikut Latar Belakang Mereka

PEMBOLEHUBAH	KATEGORI	YA (%)	JUMLAH (%)
TAHUN PENDIDIKAN	<= 11	74.7	100
	12	63.8	100
	13 - 15	68.1	100
	16 - 20	70.0	100
JAWATAN	PENGURUSAN, PROFESIONAL DAN PAKAR	69.7	100
	TEKNIKAL, JUALAN DAN PENTADBIRAN	57.5	100
	PERTANIAN, PERHUTANAN DAN PERIKANAN	84.6	100
	KRAF DAN KERJA-KERJA PEMBAIKAN	88.8	100
	BURUH	79.6	100
UMUR	≤ 29	59.7	100
	30 - 39	68.8	100
	40 - 49	71.4	100
	50 - 59	70.1	100
	≥ 60	69.1	100
TINGKAT PENDAPATAN	<\$10,000	51.8	100
	\$10,000 - 19,999	69.7	100
	20,000 - 29,999	68.8	100
	30,000 - 39,999	80.0	100
	≥=40,000	90.4	100
KUMPULAN ETNIK	KULIT PUTIH	66.8	100
	KULIT HITAM	80.6	100
	LAIN-LAIN	86.7	100
JANTINA	LELAKI	92.7	100
	WANITA	39.2	100

Berpandukan Jadual 6.25(1), didapati responden yang memiliki senjata api kebanyakannya (74.7%) berpendidikan sehingga tahap 11 tahun berbanding kategori pendidikan yang lain. Ditinjau dari sudut profesi pula, kategori jawatan "kraf dan kerja-kerja pembaikan" mempunyai peratus yang tinggi (88.8%) berbanding dengan kategori jawatan yang lain. Manakala dari segi umur pula, peratus yang tinggi didapati dalam lingkungan umur 40 hingga 49 tahun (71.4%).

Dilihat dari segi pendapatan pula, responden yang berpendapatan melebihi \$40,000 setahun didapati mempunyai peratus yang tinggi berbanding dengan tingkat pendapatan yang lain. Ini mungkin disebabkan harga senjata api adalah mahal dan hanya golongan yang berpendapatan tinggi mampu untuk memiliki. Sebab-sebab yang lain ialah kemungkinan golongan yang berpendapatan tinggi berasa takut dan mereka memiliki senjata api untuk keselamatan diri.

Di antara kaum yang paling ramai memiliki senjata api ialah kaum minoriti iaitu kulit hitam dan lain-lain kaum dengan peratus 80.6% dan 86.7% masing-masing. Di samping itu, dari jumlah keseluruhan responden yang memiliki senjata, didapati golongan lelaki (92.7%) adalah melebihi golongan wanita (39.2%) dari segi peratus.

Jadual 6.26: Peratus Responden Yang Memiliki Senjata Api Mengikut Keadaan Yang Berkaitan Dengan Keganasan

PEMBOLEHUBAH	KATEGORI	PERATUS (%)	JUMLAH (%)
PERNAH DIPUKUL OLEH SESEORANG	YA	53.7	100
PERNAH MELIHAT LELAKI MEMUKUL WANITA	YA	96.9	100
PERNAH MELIHAT KANAK-KANAK DIPUKUL	YA	68.7	100
PERBAH MELIHAT PERGADUHAN	YA	68.7	100
PERNAH MELIHAT PENCEROBOHAN	YA	91.0	100
TAKUT UNTUK BERJALAN DI KAWASAN PERUMAHAN PADA WAKTU MALAM	YA	33.7	100

Apabila responden ditanya sebab-sebab mereka menyimpan senjata api (Jadual 6.26), 53.7% menyatakan yang mereka pernah dipukul atau dibelasah oleh orang.

96.9% mengatakan mereka pernah melihat insiden seseorang wanita dipukul dan kebanyakannya juga (68.7%) pernah melihat kanak-kanak dipukul. Begitu juga, kebanyakannya (68.7%) pernah melihat pergaduhan berlaku.

Terdapat sebanyak 91.0% daripada responden pernah melihat penceroboh masuk ke rumah. Di kalangan mereka yang memiliki senjata api, 33.7% mengatakan mereka takut untuk berjalan di kawasan perumahannya pada waktu malam. Ini bermakna terdapat 66.3% daripada mereka yang berani berjalan pada waktu malam di kawasan tempat tinggal mereka. Peratus yang tinggi ini besar kemungkinan dikalangan mereka yang memiliki senjata api. Oleh itu, secara psikologinya merasakan diri mereka lebih selamat. Jadual 6.27 telah menunjukkan terdapat hubungan yang ketara antara mereka yang memiliki senjata api dengan persoalan tentang takut berjalan pada waktu malam di kawasan perumahan.

Dari maklumat ini, didapati di kalangan mereka yang memiliki senjata api sekurang-kurangnya pernah dianiaya, dikasari atau berhadapan dengan keadaan keganasan. Dengan menyimpan senjata api, mereka mungkin merasakan lebih selamat dan terlindung dari sebarang ancaman ganas ke atas diri mereka.

Statistik juga menunjukkan bahawa responden yang memiliki senjata kebanyakannya pernah melihat dan mengalami keganasan yang berlaku di sekitaran mereka. Pengalaman seperti ini mungkin menyebabkan mereka berasa nyawa mereka terancam dan memiliki senjata api merupakan satu jalan bagi mereka untuk melindungi keselamatan mereka.

Jadual 6.27: Perbandingan Antara Pemilik Senjata Api Dan Takut Berjalan Di Kawasan Perumahan Pada Waktu Malam

PEBOLEHUBAH	TAKUT UNTUK BERJALAN DI KAWASAN PERUMAHAN PADA WAKTU MALAM		
PEMILIK SENJATA API	YA (%)	TIDAK (%)	BIL. KES
YA	33.7	66.3	555
TIDAK	51.0	49.0	253
CHI-SQUARE	D.K		SIGNIFIKAN
22.711	2		0.000

*Jumlah sampel sebenar bagi pemilik senjata api adalah 555 kes, manakala bagi bukan pemilik adalah 253 kes. Sebarang perbezaan yang didapati di dalam jadual adalah disebabkan oleh maklumat hilang/kes yang tidak berkenaan (missing value).

6.3.3 Pengalaman Melibatkan Keganasan

Analisis ini dilakukan terhadap 3 faktor utama iaitu faktor jantina, kumpulan etnik dan umur.

Kajian dilakukan dengan meneliti pembolehubah berikut:

1. Pernah Melihat Pergaduhan.
2. Pernah Melihat Petunjuk Perasaan.
3. Pernah Melihat Kanak-kanak Dipukul.
4. Pernah Melihat Lelaki Memukul Perempuan.
5. Pernah Melihat Pencerobohan.
6. Pernah Melihat Angota Polis membela seseorang.
7. Pernah Melihat Seseorang Memukul Angota Polis.
8. Takut Untuk Berjalan Di Kawasan Perumahan Pada Waktu Malam.

Bagi setiap persoalan di atas skor akan diberikan terhadap jawapan responden. Bagi jawapan “Ya” diberikan 1 skor dan manakala jawapan “Tidak” 0 skor. Keseluruhan pembahagian skor boleh dirujuk di Lampiran 12.

Jumlah skor didapati bertabur dari 0 (minimum) kepada 8 (maksimum). Skor-skor ini akan dikategorikan kepada 3 kategori iaitu, 0 skor, 1– 4 skor dan 5 – 8 skor, Min besar skor ialah 1.908. Ini bermakna responden secara puratanya pernah melihat 2 kejadian keganasan. Semakin tinggi skor yang diperolehi

menandakan semakin kerap mereka berhadapan dengan situasi melibatkan keganasan.

Jadual 6.28: Skor Pengalaman Melibatkan Keganasan Mengikut Kategori Umur, Kumpulan Etnik dan Jantina

Pengalaman Melibatkan Keganasan (0 - 8)					
SKOR	0 (%)	1 - 4 (%)	5 - 8 (%)	BIL. KES	NILAI MIN
JANTINA					
LELAKI	5.0	78.3	16.7	1290	1.919
WANITA	4.7	79.3	16.0	1702	1.901
KUMPULAN ETNIK					
KULIT PUTIH	4.6	77.5	17.9	2483	1.952
KULIT HITAM	5.7	87.6	6.7	388	1.704
LAIN-LAIN	6.6	79.3	14.0	121	1.678
UMUR					
≤ 29	5.0	80.8	14.2	521	1.921
30 - 39	4.0	81.8	14.2	753	2.033
40 - 49	3.9	77.4	18.8	623	1.846
50 - 59	5.0	75.5	19.5	416	1.762
≥ 60	6.5	77.6	15.9	673	1.906

Jadual 6.29: Ujian Statistik Chi-square Antara Skor Pengalaman Terhadap Keganasan Dengan Faktor Umur, Kumpulan Etnik dan Jantina

	CHI-SQUARE	D.K	SIGNIFIKAN
JANTINA	0.483	2	0.786
KUMPULAN ETNIK	32.093	4	0.000
UMUR	16.862	8	0.032

Kebanyakan daripada responden pernah berhadapan dengan sekurang-kurangnya antara 1 hingga 4 situasi melibatkan aksi keganasan. Ini dapat dilihat dalam jadual 6.28 bagi skor 1 hingga 4. Keadaan ini dapat dilihat untuk semua kategori iaitu, jantina, kumpulan etnik dan kategori umur (Jadual 6.28). Jika dilihat dari segi peratus dalam kategori ini (skor 1-4), didapati peratus yang tinggi di kalangan kulit hitam (87.6%) dan mereka yang berumur di bawah 40 tahun.

Tambahan lagi, bagi yang menyaksikan lebih daripada 50% kejadian keganasan (skor 5-8), peratus paling tinggi ialah di kalangan mereka yang berumur antara 50-59 tahun iaitu 19.5% dan di kalangan kulit putih, iaitu 17.9%. Seterusnya, Chi-square di Jadual 6.29 telah menunjukkan hasil ujian antara umur dan kumpulan etnik dengan pengalaman berkaitan keganasan adalah signifikan ($P<0.05$). Keputusan dari jadual ini menunjukkan bahawa faktor umur dan kumpulan etnik merupakan faktor yang mempengaruhi variasi skor pengalaman melibatkan situasi keganasan. Ini mungkin kerana kebiasaananya, kumpulan yang berumur lebih muda biasanya lebih terdedah kepada keadaan ini. Bagi yang golongan muda dan remaja mungkin ada kaitan dengan pergaulan mereka lebih-lebih lagi di luar rumah.

Ujian “t” yang dijalankan ke atas 2 kaum utama (Kulit putih dan kulit hitam), untuk melihat perbezaan min skor antara kaum kulit hitam dan kaum kulit putih telah menunjukkan hasil yang signifikan (Lampiran 13) pada aras keertian 5%.

Manakala ujian “t” yang dijalankan ke atas jantina dalam Lampiran 14, menunjukkan tiada perbezaan skor yang signifikan antara lelaki dan wanita. Ini bermakna tiada pengalaman terhadap keganasan bagi kaum lelaki dan wanita. Tambahan lagi, Chi-square dalam Jadual 6.29 juga menunjukkan hasil yang sama. Oleh yang demikian, boleh dikatakan faktor jantina bukan merupakan faktor yang penting dalam menerangkan variasi skor pengalaman berhadapan dengan aktiviti keganasan.

6.3.4 Mangsa Kekejaman (Keganasan)

Bagi tujuan meneliti mangsa keganasan, beberapa soalan berkaitannya juga dikaji. Isu ini akan diselidik dari segi pandangan jantina, kumpulan etnik dan umur.

Lima persoalan dalam sampel telah dikaji, iaitu:

1. Pernah Dipukul Atau Dibelasah.
2. Pernah Diancam Atau Ditembak Dengan Senjata Api.
3. Rumah Kediaman Pernah Dicerobohi.
4. Dirompak Tahun Lepas.
5. Dipukul Sewaktu Kanak-kanak atau Dewasa.

Jadual 6.30: Peratus Responden Yang Pernah Menjadi Mangsa Keganasan Mengikut Latar Belakang Mereka

SKOR	MANGSA (%)	JUMLAH PERATUS (%)	BIL. KES	KES SAMPEL *
JANTINA	10.3	100	2992	2992
LELAKI	13.8	100	1290	1290
WANITA	7.7	100	1702	1702
KUMPULAN ETNIK	10.3	100	2992	2992
KULIT PUTIH	9.3	100	2483	2483
KULIT HITAM	15.7	100	388	388
LAIN-LAIN	14.0	100	121	121
UMUR	10.3	100	2986	2986
≤ 29	15.5	100	521	521
30 - 39	12.4	100	753	753
40 - 49	9.1	100	623	623
50 - 59	9.9	100	416	416
≥ 60	5.3	100	673	673

Kajian ini dilakukan dengan memilih hanya responden yang sah sahaja (yang merupakan mangsa keganasan) iaitu didapati terdapat sebanyak 309 kes yang sah atau terdapat lebih kurang 10.3% dari jumlah responden yang ada telah menjawab sekurang-kurangnya satu “Ya” terhadap lima soalan itu.

Jadual 6.30, menunjukkan lebih ramai golongan lelaki (13.8%) yang menjadi mangsa keganasan berbanding golongan wanita (7.7%). Manakala dari segi faktor kumpulan etnik pula, didapati kaum kulit hitam merupakan kaum yang majoriti (15.7%) pernah menjadi mangsa keganasan berbanding kulit putih yang hanya mempunyai sebanyak 9.3%.

Mengikut faktor umur pula, didapati mangsa keganasan lebih tertumpu kapada lingkungan pertengahan umur di antara ≤ 29 tahun iaitu dengan 15.5% dan diikuti 12.4% dikalangan yang berumur antara 30 - 39 tahun. Bagi golongan tua pula (≥ 60) peratus adalah agak rendah iaitu 5.3%. Kemungkinan pada peringkat umur ini, mereka kurang bersosial di luar rumah jadi tidak begitu terdedah kepada situasi melibat keganasan.

6.3.5 Potensi Mirip Ke Arah Pelakuan Ganas

Kajian ini akan dilakukan dengan memberi skor kepada setiap pembolehubah yang berkenaan. Contohnya, pembolehubah seperti,

1. Persetujuan Terhadap Permit Senjata Api.
2. Memiliki Senjata Api Di Rumah.
3. Memiliki Pistol Di Rumah.
4. Memiliki Senapang Pendek (Shotgun) Di rumah.
5. Memiliki Senapang (Rifle) Di Rumah.
6. Membunuh Diri jika Menghadapi Penyakit Yang Tidak Dapat Diubati.
7. Membunuh Diri jika Bankrap.
8. Membunuh Diri jika Ahli Keluarga Tidak Setia.
9. Membunuh Diri jika Bosan Untuk Hidup.
10. Senjata Api Dimiliki Oleh Responden Sendiri.

Skor bagi jawapan “Ya” ialah 1 sebaliknya, bagi jawapan “Tidak” ialah 0 (Rujuk Lampiran 15). Jumlah skor maksimum yang seseorang responden boleh memperolehi ialah 10 dan minimum pula ialah 0. Semakin tinggi skor yang diperolehi menggambarkan seseorang itu lebih bersifat ganas atau lebih berpotensi

melakukan keganasan. Min besar secara keseluruhan ialah 2.102 skor. Ini secara umumnya menunjukkan sifat yang tidak begitu berciri kekejaman/keganasan dalam diri mereka atau dikatakan dalam kategori yang sederhana.

Jadual 6.31: Peratus Responden Skor Bersifat Ganas Mengikut Kategori Jantina, Kumpulan Etnik, Tingkat Pendapatan, dan Umur

Bersifat Ganas (0 - 10)	0 (%)	1 - 5 (%)	6 - 10 (%)	BIL. KES	NILAI MIN
JANTINA	17.3	76.4	6.2	2992	1.889
LELAKI	15.2	74.7	10.1	1290	2.467
WANITA	19.0	77.7	3.3	1702	1.826
KUMPULAN ETNIK	17.3	76.4	6.2	2992	1.889
KULIT PUTIH	16.2	76.8	7.0	2483	2.201
KULIT HITAM	24.2	73.2	2.6	388	1.631
LAIN-LAIN	18.2	80.2	1.7	121	1.587
TINGKAT PENDAPATAN	14.8	78.3	6.9	2127	1.921
<\$10,000	15.3	79.6	5.1	432	2.007
\$10,000 - 19,999	16.7	77.6	5.8	468	2.077
20,000 - 29,999	14.0	80.1	5.9	442	2.152
30,000 - 39,999	12.1	76.6	11.3	265	2.483
≥40,000	10.8	79.9	9.3	353	2.635
UMUR	17.4	76.4	6.2	2986	1.889
≤ 29	15.0	80.6	4.4	521	2.002
30 - 39	14.9	78.6	6.5	753	2.110
40 - 49	14.8	78.0	7.2	623	2.276
50 - 59	17.3	75.0	7.7	416	2.269
≥ 60	24.5	70.0	5.5	673	1.912

Jadual 6.32: Ujian Statistik Chi-square Antara Skor Bersifat Ganas Dan Faktor Jantina, Kumpulan Etnik, Tingkat Pendapatan, dan Umur

PEMBOLEHUBAH	CHI-SQUARE	D.K	SIGNIFIKAN
JANTINA	61.301	2	0.000
KUMPULAN ETNIK	28.028	4	0.000
TINGKAT PENDAPATAN	33.011	12	0.001
UMUR	38.115	8	0.000

Jadual 6.33: Taburan Min Skor Bersifat Ganas antara Lelaki dan Wanita Mengikut Kategori Kumpulan Etnik, Tingkat Pendapatan dan Umur

	LELAKI		WANITA	
	NILAI MIN	KES	NILAI MIN	KES
KUMPULAN ETNIK				
KULIT PUTIH	2.565	1089	1.917	1394
KULIT HITAM	1.932	147	1.448	241
LAIN-LAIN	1.944	54	1.299	67
TINGKAT PENDAPATAN				
<\$10,000	2.548	146	1.731	286
\$10,000 - 19,999	2.275	178	1.855	290
20,000 - 29,999	2.458	203	1.891	239
30,000 - 39,999	2.742	159	2.094	106
≥40,000	2.803	259	2.170	94
UMUR				
≤ 29	2.413	230	1.677	291
30 - 39	2.344	343	1.915	410
40 - 49	2.620	279	1.997	344
50 - 59	2.610	182	2.004	234
≥ 60	2.416	255	1.605	418


Jadual 6.31 menunjukkan min skor yang diperolehi oleh golongan lelaki dan wanita. Seramai 10.1% dari responden lelaki telah memperolehi skor antara 6 - 10 (iaitu bersetuju dengan 6-10 isu yang ditanyakan) berbanding golongan wanita hanya 3.3%. Golongan wanita mempunyai peratus yang melebihi kaum lelaki pada tahap skor yang lebih rendah iaitu pada skala yang agak rendah. Ini mencerminkan sifat naluri lelaki yang lebih cenderung kepada keadaan yang berciri keganasan berbanding kaum wanita.

Sementara itu, ujian Chi-square dalam Jadual 6.32 telah memberi satu nilai yang signifikan pada $P<0.0001$ untuk faktor jantina. Ujian ini menunjukkan bahawa faktor jantina mungkin merupakan faktor yang penting dalam

mempengaruhi tahap potensi seseorang untuk melakukan keganasan. Ini adalah kerana faktor jantina mempunyai nilai Chi-square yang paling tinggi sekali iaitu 61.301.

Perbezaan peratus skor bersifat ganas bagi golongan lelaki dan wanita dalam Jadual 6.33 boleh dilihat dengan lebih jelas melalui carta bar di bawah (Rajah 6.8).

Rajah 6.8: Peratus Pengagihan Skor Potensi Mirip Ke Arah Bersifat Ganas Mengikut Jantina



Dari Rajah 6.8, jelas dapat dilihat skor golongan wanita berada pada skor yang rendah iaitu pada skor 0 (tidak setuju dengan semua persoalan bersifat keganasan) adalah melebihi golongan lelaki. Tetapi, pada kategori 6-10 skor peratus skor lelaki didapati lebih tinggi.

Untuk menguji sama ada perbezaan min skor antara golongan lelaki dan wanita adalah signifikan atau tidak, ujian “t” telah dijalankan. Dengan mengandaikan bahawa varians adalah homogen. Hasil ujian “t” adalah signifikan kerana mempunyai kebarangkalian dua hujung yang kurang dari 0.1% (rujuk


Lampiran 16). Ini bermakna terdapat perbezaan pandangan yang signifikan antara lelaki dan wanita (Jadual 6.31) terhadap isu ini. Kaum lelaki memperolehi skor yang lebih tinggi (2.467) berbanding kaum wanita (1.826). Dengan lain perkataan, lelaki lebih cenderung bersifat ganas berbanding wanita.

Disebabkan faktor jantina yang begitu signifikan, maka kajian seterusnya bagi faktor-faktor tak bersandar yang lain (iaitu kumpulan etnik, dan umur) telah diasinkan antara golongan lelaki dan wanita untuk lebih mudah diteliti dan dikaji.

Analisis seterusnya dilakukan untuk melihat 'pandangan responden terhadap isu ini mengikut kumpulan etnik. Dari Jadual 6.31, ketiga-tiga kaum menunjukkan majoriti responden memperolehi skor dalam lingkungan 1 – 5 skor dengan peratus 76.8% bagi kaum kulit putih, 73.2% bagi kaum kulit hitam dan 80.2% bagi lain-lain bangsa. Ini adalah peratus yang bersetuju antara satu hingga lima soalan bagi 10 soalan yang ditanyakan. Jika ditinjau dari segi nilai minnya, kaum kulit putih mempunyai skor yang paling tinggi iaitu 2.201 berbanding responden kaum kulit hitam dan responden kaum lain-lain bangsa yang hanya memperolehi min skor 1.631 dan 1.587 masing-masing. Keadaan yang sama dapat dilihat dari Jadual 6.33, di mana dengan mengasingkan faktor kaum dengan jantina, kaum kulit putih tetap mempunyai nilai min skor yang tinggi berbanding kaum kulit hitam dan kaum lain-lain bangsa bagi golongan lelaki dan wanita. Bagi golongan lelaki, kaum kulit putih mempunyai min skor 2.565 jauh berbanding 1.932 skor bagi kaum kulit hitam dan 1.944 skor bagi kaum lain-lain bangsa. Manakala, bagi golongan wanita pula, kaum kulit putih juga menunjukkan nilai min skor yang tinggi (1.917) berbanding lain-lain kaum seperti kaum kulit hitam yang hanya mempunyai nilai min skor 1.448 dan kaum lain-lain bangsa 1.299 skor. Sungguhpun begitu, golongan lelaki tetap merupakan golongan yang

memperolehi nilai min skor yang tinggi berbanding golongan wanita. Ini dapat dilihat melalui Rajah 6.9 carta bar di bawah.

Rajah 6.9: Min Skor Mirip Ke Arah Bersifat Ganas Bagi Lelaki dan Wanita dalam Setiap Kategori Kumpulan Etnik



Merujuk pada Jadual 6.33 dan Rajah 6.9, ketiga-tiga kaum menunjukkan golongan lelaki memperolehi min skor yang tinggi melebihi golongan wanita. Ini menggambarkan naluri ciri keganasan golongan lelaki adalah lebih tinggi berbanding golongan wanita. Seterusnya, dapat dilihat juga, di mana di antara ketiga-tiga kaum ini, kaum kulit putih mempunyai nilai min skor yang tinggi bagi kedua-dua golongan lelaki dan wanita berbanding kaum kulit hitam dan kaum lain-lain bangsa.

Di samping itu, hasil ujian Chi-square adalah signifikan (0.000) antara skor dan faktor kaum pada aras keertian 0.1%. Ini menyarankan bahawa sifat keganasan berkaitan dengan faktor kumpulan etnik.

Kajian seterusnya ialah kajian ke atas hubungan antara sifat keganasan mengikut kategori pendapatan. Jadual 6.31 menunjukkan majoriti responden bagi

semua kategori pendapatan mempunyai skor di lingkungan antara 1 hingga 5 (sederhana bersifat ganas). Bagi peratus responden yang berada di tahap skor 6 hingga 10 (bersifat ganas), didapati mengalami kenaikan dalam peratus apabila tingkat pendapatan meningkat. Keadaan yang sama dapat dilihat dari perbandingan nilai minnya. Didapati responden yang mempunyai tingkat pendapatan yang tinggi cenderung memperolehi skor yang tinggi. Misalnya responden yang bertingkat pendapatan tahunan \$40,000 atau lebih mempunyai min skor yang lebih tinggi (2.635) berbanding \$30,000 – \$39,999 (2.483) dan diikuti dengan \$20,000 – \$29,999 (2.152), \$10,000 – '\$19,999 (2.077) dan \leq \$10,000 (2.007).

Begitu juga, Jadual 6.33 menunjukkan golongan wanita mempunyai kesan yang sama iaitu semakin tinggi tingkat pendapatan semakin tinggilah min skor yang diperolehi maka semakin cenderung bersifat ganas. Manakala bagi golongan lelaki pula, kesan ini hanya terdapat pada lingkungan tingkat pendapatan \$20,000 – \$29,999 setahun, \$30,000 – \$39,999 setahun dan \geq \$40,000 setahun. Satu sebab yang mungkin dapat menerangkan keadaan ini adalah bahawa golongan yang berwang mungkin mengalami tekanan hidup yang lebih menjadikan mereka bersifat lebih agresif dan kurang stabil.

Tambahan lagi, hasil ujian Chi-square di Jadual 6.32 telah menunjukkan pendapatan dan skor sifat ganas adalah signifikan pada aras keertian 0.5%. Walaupun nilai P yang didapati tidak sekecil seperti faktor jantina, kumpulan etnik dan umur. Namun, ia perlu juga dikaji sebab pendapatan mungkin memberi kesan yang lebih bererti ke atas skor bersifat keganasan jika faktor-faktor lain dikawal.

Ditinjau dari aspek umur pula (Jadual 6.31). Responden yang berumur \leq 29 tahun secara puratanya memperolehi 2.002 skor. Responden yang berumur \geq 60 tahun pada puratanya memperolehi 1.912 skor. Ini bermakna secara puratanya, dua kumpulan umur ini (generasi muda dan tua) setuju 2 dari 10 soalan yang diajukan.

Secara umumnya, lebih ramai (24.5%) dari golongan tua (≥ 60 tahun) yang tidak bersetuju dengan semua soalan berhubung isu ini (skor = 0) berbanding mereka dalam kategori umur ≤ 29 tahun (15.0%).

Hasil ujian Chi-square antara umur responden dan skor bersifat keganasan adalah signifikan atau bererti di mana $P < 0.05$. Maka dapat dikatakan bahawa faktor umur mungkin juga merupakan faktor yang penting dalam menerangkan variasi skor potensi melakukan keganasan.

Hasil ujian Pearson korelasi dalam Lampiran 17 telah menunjukkan terdapat hubungan negatif (-0.32) yang signifikan antara faktor umur dan skor bersifat keganasan pada aras keertian 5%.

6.3.5.A Regresi Berganda

Model regresi ini mengambil skor bersifat keganasan sebagai pembolehubah bersandar dan 4 pembolehubah tak bersandar iaitu jantina, kumpulan etnik, pendapatan dan umur. Disebabkan faktor jantina, kumpulan etnik dan pendapatan diukur dalam skala nominal, maka untuk mendapat persamaan regresi ini, kelima-lima angkubah ini akan diubah ke dalam bentuk pembolehubah patung (dummy variables) (Lampiran 18).

Jadual 6.34: Regresi Model

		Koefisien Tak Standardisasi		Koefisien Standardisasi	Ujian t	Sig.
Model		B	Sisihan piawai	Beta		
I	(Konstant)	1.407	0.211			
	Umur	-0.00322	0.002	-0.028	-1.430	0.153
	Kulit putih	0.645	0.178	0.125	3.624	0.000
	Kulit hitam	-0.09922	0.198	0.017	0.500	0.617
	Lelaki	0.603	0.071	0.155	8.509	0.000
	<\$10,000	-0.0186	0.110	-0.003	-0.169	0.866
	\$10,000 - 19,999	0.03806	0.107	0.007	0.357	0.721
	20,000 - 29,999	0.04138	0.108	0.008	0.384	0.701
	30,000 - 39,999	0.301	0.130	0.044	2.305	0.021
Pembolehubah Bersandar : Skor Pontensi Mirip Melakukan Keganasan						

Jadual 6.35: Analisi Varians (ANOVA)

ANOVA						
Model		Jumlah Kuasa dua	dk	Min Kuasa dua	Ujian F	Sig.
I	Regresi	464.475	8	58.059	16.168	0.000
	Residual	10690.549	2977	3.591		
	Jumlah	11155.024	2985			
Model	R	R Kuasa dua	R Kuasa dua yang disesuaikan	Sisihan Piawai		
1	0.204	0.042	0.039	1.895		

Jadual 6.35 menunjukkan bahawa keempat-empat pembolehubah tak bersandar ini hanya dapat menerangkan 3.9% daripada variasi dalam skor bersifat keganasan. Nilai $F = 16.168$ yang mempunyai nilai $P < 0.0001$ menunjukkan model ini adalah signifikan dan disokong. Sungguhpun nilai R^2 yang tidak begitu tinggi, model ini boleh digunakan untuk mengira skor bersifat keganasan.

Model Regresi boleh diperolehi dari Jadual 6.34:

$$\begin{aligned}
 \text{Skor Bersifat keganasan} &= 1.407 - 0.00322(\text{umur}) + 0.645(\text{kulit putih}) - 0.09922(\text{kulit hitam}) \\
 &\quad + 0.603(\text{lelaki}) - 0.0186(<\$10,000) + 0.03806(\$10,000-\$19,999) \\
 &\quad + 0.04138(\$20,000-\$29,999) + 0.301(\$30,000-\$39,999)
 \end{aligned}$$

Nilai koefisien yang positif bagi menunjukkan semakin tinggi nilai ini semakin tinggi nilai skor potensi melakukan keganasan. Manakala, sebaliknya bagi koefisien yang negatif.

Model regresi ini dapat juga digunakan untuk menganggar skor potensi melakukan keganasan bagi responden dalam kajian. Misalnya, bagi seseorang lelaki yang berumur 40 yang berkulit putih dan berpendapatan pada lingkungan \$10,000 – \$19,999 setahun, anggaran skornya adalah 2.56426 (rujuk pengiraan skor).

PENGIRAAN:

$$\begin{aligned}\text{Skor} &= 1.407 - 0.00322(40) + 0.645(1) - 0.09922(0) + 0.603(1) \\ \text{Bersifat} &\quad - 0.0186(0) + 0.03806(1) + 0.04138(0) + 0.301(0) \\ \text{keganasan} &= \underline{\underline{2.56426}}\end{aligned}$$

Ini bermakna beliau akan setuju dengan lebih kurang tiga dari 10 soalan berkaitan isu ini secara purata.

6.4. Alam Sekitar

Seksyen ini akan mengkaji tentang keprihatinan responden terhadap masalah alam sekitar dan perkara-perkara berkaitan dengannya.

6.4.1 Isu Alam Sekitar

Pencemaran alam sekitar boleh berlaku disebabkan oleh tabiat masyarakat yang tidak peka dan tidak mengambil berat tentang keadaan sekeliling mereka dan alam sekitar. Misalannya, pembuangan sampah sarap dan sisa-sisa yang bertoksin, pembakaran terbuka, penerokaan hutan-hutan, pembinaan empangan dan lain-lain lagi. Secara ringkasnya, segala aktiviti manusia akan mengakibatkan pencemaran ke atas alam sekitar.

Pencemaran udara menyebabkan kesan rumah kaca (Green house) yang disebabkan oleh lapisan ozon yang semakin nipis dan juga hujan asid akibat kandungan hujan yang mengandungi bahan kimia sulfur dioksida. Pencemaran udara ini bukan setakat disebabkan oleh kilang-kilang pembinaan malahan ia berlaku disekitaran kawasan perumahan dan di dalam rumah. Misalannya penggunaan alat-alat elektrik seperti peti sejuk yang mengandungi bahan kimia C.F.C yang berfungsi sebagai bahan penyejut akan menyebabkan lapisan ozon terhakis dan menghasilkan kesan rumah kaca.

“The carbon dioxide would trap heat near the earth’s surface, raising the average temperature of the atmosphere. Such overheating, even by few degrees, could melt the polar ice caps, with calamitous results (Julian, 1977: 496).”

Pencemaran air pula selalunya dikaitkan dengan pembuangan sisa toksin atau radiasi ke dalam sungai dan laut. Air sungai dan laut tercemar menyebabkan kandungan oksigen dalam air berkurangan dan seterusnya menyebabkan organisma laut terbunuh. Bahan sisa toksin dan bahan yang beradiasi mungkin

akan mengakibatkan kecacatan genetik dan kanser bagi mereka yang termakan makanan laut yang tercemar.

Lain-lain pencemaran adalah seperti pencemaran tanah, bunyi dan pencemaran alam akibat pembinaan loji-loji dan empangan yang tidak terkawal. Penciptaan kenderaan walaupun telah mencerminkan suatu kemajuan dalam sejarah manusia namun, ia secara tidak lansung telah menghasilkan pemcemaran bunyi. Pembakaran diesel atau petrol untuk mengerakkan enjin kenderaan telah menghasilkan pencemaran udara. Terdapat kajian yang menunjukkan semakin ramai manusia mengalami hilang pendengaran pada umur yang tua (Julian, 1977: 555).

Maka untuk mengkaji keprihatinan masyarakat terhadap isu alam sekitar, beberapa soalan yang berkaitan dengan isu ini telah dikaji, antaranya:

1. Sains moden Medatangkan Keburukan Melebihi Kebaikan.
2. Manusia Punca Kemasuhan Alam Sekitar.
3. Hampir Semua Benda Yang Kita Lakukan Merosak Alam Sekitar.
4. Manusia Harus Menghormati Alam Sekitar Yang dicipta Oleh Tuhan.
5. Alam Sekitar Akan Tenteram Jika Manusia Tidak Mengganggunya.
6. Pembangunan Ekonomi Selalunya Merosakan Alam Sekitar.
7. Melakukan Apa Yang Boleh Untuk Menyelamatkan Alam Sekitar.
8. Sanggup Membayar Harga Yang Tinggi Untuk Menyelamatkan Alam Sekitar.
9. Sanggup Membayar Cukai Yang Tinggi Untuk Menyelamatkan Alam Sekitar.
10. Sanggup Menerima Pengurangan Dalam Taraf Hidup Untuk Membantu Alam Sekitar.

Semua Jawapan akan diberikan skor. Skor responden adalah di antara 0 hingga 4. Pengagihan skor dapat dirujukan dalam Lampiran 19.1 & 19.2.

Skor maksimum yang boleh diperolehi oleh seseorang ialah 40 dan minimum pula ialah 0. Skor ini kemudian dikategorikan kepada 5 kategori. Bagi responden yang memperolehi skor 0 dikatakan "Tidak Prihatin" terhadap keadaan alam sekitar, Bagi responden yang mendapat skor antara 1 - 10 dikatakan "Kurang


Prihatin”, manakala responden yang berskor 11 – 20 pula dikatakan “Agak Prihatin”. Responden yang mempunyai skor antara 21 – 30 pula dikatakan “Prihatin” dan bagi responden yang mendapat skor melebihi 30 pula dikatakan “Sangat Prihatin”.

Jadual 6.36: Taburan Skor Keprihatin Terhadap Alam Sekitar

		KEKERAPAN	PERATUS (%)
Sah	Tidak Prihatin (0 skor)	1611	53.8
	Kurang prihatin (1 – 10 skor)	83	2.8
	Sedikit Prihatin (11 – 20 skor)	710	23.7
	Prihatin (21 – 30 skor)	556	18.6
	Sangat Prihatin (31 – 40 skor)	32	1.1
	Total	2992	100

Jadual 6.36 menunjukkan kategori taburan skor dari pembolehubah “Prihatin Terhadap Alam Sekitar”. Berdasarkan pengiraan skor ini, didapati majoriti dari responden (53.8%) adalah tidak prihatin, manakala 18.6% daripada responden adalah prihatin dan hanya 1.1% sahaja sangat prihatin terhadap alam sekitar.

Rajah 6.10: Keprihatinan Responden Terhadap Alam Sekitar



Rajah 6.10 di atas menunjukkan dengan lebih jelas peratus responden dalam kategori tidak prihatin terhadap alam sekitar mewakili kawasan yang paling besar (53.8%) dan ini diikuti dengan responden yang sedikit prihatin (23.7%) dan responden yang prihatin (18.6%).

Jadual 6.37: Taburan Keprihatinan Terhadap Alam Sekitar Mengikut Kategori Jantina, Kumpulan Etnik, Tahun Pendidikan dan Umur

Prihatin Terhadap Alam Sekitar (0-40)							
KATEGORI SKOR	TDK PRIHATIN 0 (%)	KRG PRIHATIN 1-10 (%)	SDKT PRIHATIN 11-20 (%)	PRIHATIN 21-30 (%)	SGT PRIHATIN 31-40 (%)	BIL. KES	NILAI MIN
JANTINA	53.8	2.8	23.7	18.6	1.1	2992	8.919
LELAKI	52.2	3.1	26.3	17.8	0.6	1290	8.982
WANITA	55.1	2.5	21.8	19.2	11.4	1702	8.871
KUMPULAN ETNIK	53.8	2.8	23.7	18.6	1.1	2992	8.919
KULIT PUTIH	54.2	2.9	23.8	18.0	1.1	2483	8.802
KULIT HITAM	52.6	2.1	24.7	20.1	0.5	388	9.255
LAIN-LAIN	51.2	2.5	18.2	25.6	2.5	121	10.248
TAHUN PENDIDIKAN	53.8	2.8	23.7	18.6	1.1	2992	8.919
<=11	55.5	3.1	19.7	20.1	1.6	553	8.823
12	53.1	2.8	25.7	17.4	1.0	929	9.011
13-15	55.8	3.0	21.2	18.7	1.3	744	8.645
16-20	51.6	2.4	26.7	18.7	0.5	759	9.149
UMUR	53.8	2.7	23.8	18.6	1.1	2986	8.926
≤ 29	54.3	1.7	22.5	20.5	1.0	521	9.088
30 - 39	53.0	2.9	23.0	20.2	0.9	753	9.151
40 - 49	54.7	1.6	25.5	17.2	1.0	623	8.743
50 - 59	50.0	4.6	24.3	20.0	1.2	416	9.517
≥ 60	55.9	3.3	23.8	15.8	1.3	673	8.354

Jadual 6.38: Ujian Statistik Chi-square Antara Keprihatinan Terhadap Alam Sekitar Dengan Faktor Jantina, Kumpulan Etnik, Tahun Pendidikan dan Umur

PEMBOLEHUBAH	CHI-SQUARE	D.K	SIGNIFIKAN
JANTINA	13.279	4	0.110
KUMPULAN ETNIK	10.482	8	0.233
TAHUN PENDIDIKAN	19.046	16	0.266
UMUR	20.880	16	0.183

Jadual 6.37 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang ketara di antara lelaki dan wanita terhadap isu ini. Majoritinya tidak prihatin terhadap isu alam sekitar. Di samping itu, hasil ujian Chi-square (Jadual 6.38) menunjukkan tiada kaitan antara jantina dan pandangan mereka terhadap alam sekitar pada aras keertian 5%. Tambahan lagi, kedua-dua golongan lelaki dan wanita yang

mempunyai nilai min skor 8.982 dan 8.871 masing-masing dengan ujian “t” yang dijalankan di Lampiran 20, hasil ujian menunjukkan kesan perbezaan yang tidak signifikan pada aras keertian 5%.

Bagi faktor kumpulan etnik pula, rujuk kepada Jadual 6.37, kedua-dua kaum kulit putih dan kulit hitam kebanyakannya juga tertumpu kepada kategori tidak prihatin terhadap alam sekitar. Begitu juga bagi kaum lain-lain iaitu tertumpu pada kategori tidak prihatin. Namun begitu, kaum lain-lain merupakan golongan yang berperatusan tertinggi (2.5%) dalam kategori sangat prihatin terhadap alam sekitar berbanding kaum kulit putih (1.1%) dan kaum kulit hitam (0.5%). Keadaan yang sama dilihat di mana kaum lain-lain juga mempunyai nilai min yang paling tinggi sekali (10.248).

Bagi tahun pendidikan pula, didapati kesemua kategori tahun pendidikan menunjukkan majoriti responden berada pada kategori tidak prihatin terhadap alam sekitar (Jadual 6.37). Manakala bagi nilai min pula, didapati kategori tahun pendidikan antara 16 – 20 mempunyai nilai min skor yang paling tinggi (9.149) berbanding kategori tahun pendidikan yang lain. Walaupun begitu, hasil ujian Chi-square di Jadual 6.38 menunjukkan tidak terdapat kesan yang signifikan bagi faktor tahun pendidikan terhadap prihatin terhadap alam sekitar.

Bagi faktor umur pula, keadaan yang sama didapati di mana kesemua kategori umur menunjukkan majoriti responden memperolehi kategori tidak prihatin terhadap alam sekitar. Begitu juga, hasil ujian Chi-square di Jadual 6.38 menunjukkan kesan yang tidak signifikan pada aras keertian 5%.

Secara keseluruhannya, didapati keempat-empat faktor tidak menunjukkan kesan yang signifikan terhadap keprihatinan terhadap alam sekitar, Ini menunjukkan kemungkinan terdapat faktor yang lain yang mungkin lebih

penting dalam menerangkan variasi pembolehubah keprihatinan terhadap alam sekitar.